

# Individu Pemastautin Yang TIDAK Menjalankan Perniagaan



## Buku Panduan BE 2016



### SISTEM TAKSIR SENDIRI

TAMBAHAN / PINDAAN		
Bhg. / HK	Perkara	Muka Surat
E	Pendapatan <i>Bukan Penggajian</i> Bagi Tahun Kebelakangan Yang Belum Dilaporkan	14
F	Pelepasan: F2b - Pelepasan ibu dan bapa F5 - Amaun pelepasan yuran pendidikan (sendiri) F13 - Amaun pelepasan suami / isteri / bayaran alimoni kepada bekas isteri F15 - Amaun pelepasan anak F19 - Caruman kepada PERKESO	15 16 17 18 21
HK-2.2	Pengiraan Ganjaran Kena Cukai	25
HK-15	Maklumat Tuntutan Pelepasan Ibu Dan Bapa	30

Bersama  
Membangun  
Negara

## KANDUNGAN BUKU PANDUAN

<b>PERKARA</b>	<b>Muka Surat</b>
<b>Pendahuluan</b>	1
<b>Apakah Buku Panduan Borang BE?</b>	1
<b>Peringatan Sebelum Mengisi Borang</b>	2
 <b>Bahagian 1 — Borang B</b>	
Maklumat Asas	5
Bahagian A: Maklumat Individu	5
Bahagian B: Pendapatan Berkanun, Jumlah Pendapatan, Cukai Kena Dibayar Dan Kedudukan Cukai	6
Akuan	13
Bahagian C: Maklumat Suami / Isteri	13
Bahagian D: Maklumat Lain	14
Bahagian E: Pendapatan Bukan Penggajian Bagi Tahun Kebelakangan Yang Belum Dilaporkan	14
Bahagian F: Pelepasan	14
Bahagian G: Maklumat Firma dan Tandatangan Orang Yang Menyediakan Borang Nyata Ini	21
 <b>Bahagian 2 — Helaian Kerja</b>	
HK-2 – Pengiraan Pendapatan Berkanun Penggajian	22
HK-2.1 – Penerimaan Di Bawah Perenggan 13(1)(a)	24
HK-2.2 – Pengiraan Ganjaran Kena Cukai	25
HK-2.3 – Pengiraan Elaun Cukai / Cukai Ditanggung Oleh Majikan	26
HK-2.4 – Manfaat Berupa Barangan (MBB) [Perenggan 13(1)(b)]	26
HK-2.5 – Manfaat / Nilai Tempat Kediaman [Perenggan 13(1)(c)]	26
HK-2.6 – Bayaran Balik Daripada Kumpulan Wang Simpanan / Pencen Yang Tidak Diluluskan	27
HK-2.7 – Pengiraan Pampasan Yang Dikenakan Cukai	27
HK-3 – Dibatalkan	
HK-4 – Butir-butir Harta / Aset Dan Jumlah Sewa	28
HK-5 – Pengiraan Pendapatan Berkanun Faedah / Royalti	28
HK-6 – Tolakan Cukai Di Bawah Seksyen 110 (Lain-lain)	28
HK-7 – Tidak berkenaan dengan Borang BE (tidak dibukukan)	-
HK-8 – Pendapatan Daripada Negara Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali Dan Tuntutan Pelepasan Cukai Di Bawah Seksyen 132	28
HK-9 – Pendapatan Daripada Negara Bukan Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali Dan Tuntutan Pelepasan Cukai Di Bawah Seksyen 133	28
HK-10 – Potongan / Ansuran Cukai Yang Telah Dijelaskan	29

**PERKARA****Muka Surat**

HK-11	–	Tidak berkenaam dengan Borang BE (tidak dibukukan)	-
HK-12	–	Tidak berkenaam dengan Borang BE (tidak dibukukan)	-
HK-13	–	Pelepasan Anak Bagi Anak-Anak Di Bawah Tanggungan Yang Belum Berkahwin	30
HK-14	–	Premium Insurans Nyawa / Caruman Kepada Kumpulan Wang Simpanan Dan Pencen Yang Diluluskan, Insurans Pendidikan Dan Perubatan, Skim Persaraan Swasta, Anuiti Tertanggung Serta Caruman Kepada PERKESO	30
HK-15	–	Maklumat Tuntutan Pelepasan Ibu Dan Bapa	30

**KANDUNGAN HELAIAN KERJA**

(Kertas Bertanda Biru)

**Siri****Helaian Kerja****Muka Surat**

HK-2	–	Pengiraan Pendapatan Berkanun Penggajian	1
HK-2.1	–	Penerimaan Di Bawah Perenggan 13(1)(a)	3
HK-2.2	–	Pengiraan Ganjaran Kena Cukai	4
HK-2.3	–	Pengiraan Elaun Cukai	5
HK-2.4	–	Manfaat Berupa Barangan (MBB) [Perenggan 13(1)(b)]	6
HK-2.5	–	Manfaat / Nilai Tempat Kediaman [Perenggan 13(1)(c)]	7
HK-2.6	–	Bayaran Balik Daripada Kumpulan Wang Simpanan / Pencen Yang Tidak Diluluskan	9
HK-2.7	–	Pengiraan Pampasan Dikenakan Cukai	10
HK-3	–	Dibatalkan	
HK-4	–	Butir-butir Harta / Aset Dan Jumlah Sewa	11
HK-5	–	Pengiraan Pendapatan Berkanun Faedah / Royalti	13
HK-6	–	Tolakan Cukai Di Bawah Seksyen 110 (Lain-lain)	14
HK-7	–	Tidak berkenaam dengan Borang BE (tidak dibukukan)	-
HK-8	–	Pendapatan Daripada Negara Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali Dan Tuntutan Pelepasan Cukai Di Bawah Seksyen 132	15
HK-9	–	Pendapatan Daripada Negara Bukan Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali Dan Tuntutan Pelepasan Cukai Di Bawah Seksyen 133	16
HK-10	–	Potongan / Ansuran Cukai Yang Telah Dijelaskan	17
HK-11	–	Tidak berkenaam dengan Borang BE (tidak dibukukan)	-
HK-12	–	Tidak berkenaam dengan Borang BE (tidak dibukukan)	-
HK-13	–	Pelepasan Anak Bagi Anak-Anak Di Bawah Tanggungan Yang Belum Berkahwin	18
HK-14	–	Premium Insurans Nyawa, Caruman Kepada Kumpulan Wang Simpanan Dan Pencen Yang Diluluskan, Insurans Pendidikan Dan Perubatan, Skim Persaraan Swasta, Anuiti Tertanggung serta Caruman kepada PERKESO.	22
HK-15	–	Maklumat Tuntutan Pelepasan Ibu Dan Bapa	30

**KANDUNGAN LAMPIRAN**

(Kertas bertanda Coklat)

<b>Siri</b>		<b>Lampiran Muka Surat</b>
Lampiran B1	– Ganjaran	1
Lampiran B2	– Elaun Cukai / Cukai Ditanggung oleh Majikan	3
Lampiran B3	– Manfaat Berupa Barangan (MBB) [Perenggan 13(1)(b)]	5
Lampiran B4	– Manfaat / Nilai Tempat Kediaman [Perenggan 13(1)(c)]	10
Lampiran B5	– Pampasan	14
Lampiran C	– Kadar Pertukaran Wang Asing (Purata Tahunan)	15
Lampiran D	– Tidak berkenaan dengan Borang BE (tidak dibukukan)	-
Lampiran E	– Kod Negara	17
Lampiran F	– Perjanjian Pengelakan Pencukaaian Dua Kali (PPPDK)	22
Lampiran G	– Tidak berkenaan dengan Borang BE (tidak dibukukan)	-
Lampiran H	– Ketetapan Umum Ketua Pengarah	25

## Pendahuluan

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) mengucapkan terima kasih kepada pembayar cukai yang telah melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan membayar cukai pendapatan yang sepatutnya tahun demi tahun. Sumbangan cukai anda telah membantu membiayai pembangunan serta meningkatkan taraf sosio ekonomi negara.

Bagi mempercepat dan mempermudah lagi pelaksanaan tanggungjawab percukaian masing-masing, kerajaan telah memberi kepercayaan kepada pembayar cukai untuk menaksir dan membayar cukai mereka sendiri dengan pengenalan Sistem Taksir Sendiri (STS) mulai tahun taksiran 2004 bagi individu dan pembayar cukai bukan syarikat.

Borang yang dipermudahkan, penerangan mengenai cara mengisi borang serta panduan membuat pengiraan pendapatan bercukai dan cukai pendapatan telah disediakan untuk membantu pembayar cukai.

## Apakah Buku Panduan Borang BE?

Buku Panduan Borang BE mengandungi perkara-perkara berikut:

1. Panduan lengkap mengenai cara mengisi Borang BE
2. Satu siri Helaian Kerja (siri HK-2 ... ) bagi mengira pendapatan berkanun penggajian :

HK-2	–	Pengiraan Pendapatan Berkanun Penggajian
HK-2.1	–	Penerimaan Di Bawah Perenggan 13(1)(a)
HK-2.2	–	Pengiraan Ganjaran Kena Cukai
HK-2.3	–	Pengiraan Elaun Cukai / Cukai Ditanggung Oleh Majikan
HK-2.4	–	Manfaat Berupa Barangan (MBB) [Perenggan 13(1)(b)]
HK-2.5	–	Manfaat / Nilai Tempat Kediaman [Perenggan 13(1)(c)]
HK-2.6	–	Bayaran Balik Daripada Kumpulan Wang Simpanan / Pencen Yang Tidak Diluluskan
HK-2.7	–	Pengiraan Pampasan Yang Dikenakan Cukai

3. 9 Helaian-Helaian Kerja lain seperti berikut:

HK-3	–	Dibatalkan
HK-4	–	Butir-butir Harta / Aset Dan Jumlah Sewa
HK-5	–	Pengiraan Pendapatan Berkanun Faedah/Royalti
HK-6	–	Tolakan Cukai Di Bawah Seksyen 110 (Lain-lain)
HK-7	–	Tidak Berkenaan
HK-8	–	Pendapatan Daripada Negara Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali Dan Tuntutan Pelepasan Cukai Di Bawah Seksyen 132
HK-9	–	Pendapatan Daripada Negara Bukan Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali Dan Tuntutan Pelepasan Cukai Di Bawah Seksyen 133
HK-10	–	Potongan / Ansuran Cukai Yang Telah Dijelaskan
HK-11	–	Tidak Berkenaan
HK-12	–	Tidak Berkenaan
HK-13	–	Pelepasan Anak Bagi Anak-Anak Di Bawah Tanggungan Yang Belum Berkahwin
HK-14	–	Premium Insurans Nyawa, Caruman Kepada Kumpulan Wang Simpanan Dan Pencen Yang Diluluskan, Insurans Pendidikan Dan Perubatan, Skim Persaraan Swasta, Anuiti Tertanggung Serta Caruman Kepada PERKESO
HK-15	–	Maklumat Tuntutan Pelepasan Ibu dan Bapa

4. Satu siri Lampiran (Siri B ..... ) sebagai penerangan dan panduan mengenai pendapatan penggajian:
- Lampiran B1 – Penerangan Mengenai Ganjaran
  - Lampiran B2 – Penerangan Mengenai Elaun Cukai Atau Cukai Yang Ditanggung Oleh Majikan
  - Lampiran B3 – Penerangan Mengenai Manfaat Berupa Barangan Atau Kemudahan Yang Terbit Daripada Penggajian
  - Lampiran B4 – Penerangan Mengenai Tempat Kediaman Yang Disediakan Oleh Majikan
  - Lampiran B5 – Penerangan Mengenai Pendapatan Pampasan
5. Lampiran lain bagi membolehkan maklumat dimasukkan ke dalam Borang BE seperti berikut:
- Lampiran C – Kadar Pertukaran Wang Asing (Purata Tahunan)
  - Lampiran D – Tidak berkenaan dengan Borang BE
  - Lampiran E – Kod Negara-negara Di mana Individu Bermastautin / Menjadi Warganegara
  - Lampiran F – Senarai Rujukan Bagi Negara-negara Yang Menandatangani Perjanjian Pengelakan Cukai Dua Kali
  - Lampiran G – Tidak berkenaan dengan Borang BE
  - Lampiran H – Senarai Ketetapan Umum Ketua Pengarah Sebagai Panduan Untuk Mengira Pendapatan Seperti Yang Diperuntukkan Di Dalam Akta Cukai Pendapatan 1967

### Peringatan Sebelum Mengisi Borang

Sila ambil maklum perkara-perkara berikut:

- (1) Setiap individu yang mempunyai pendapatan selain dari punca perniagaan hendaklah mengisi Borang BE.
- (2) Bagi individu berkahwin yang memilih untuk ditaksir berasingan perlu mengisi dua Borang B / BE iaitu satu untuk suami dan satu untuk isteri.
- (3) Bagi individu berkahwin yang memilih untuk ditaksir bersama dan mempunyai jumlah pendapatan yang disatukan, sama ada taksiran dibuat atas nama isteri atau suami, kedua-dua suami isteri perlu mengisi Borang B / BE yang berasingan. Bagi Borang B suami / isteri yang pendapatannya ditaksir di bawah nama pasangan, beliau tidak perlu mengisi ruang B17 hingga B29 dan Bahagian F. Bayaran ansuran atau potongan cukai yang telah dibuat di atas nama beliau dan juga atas nama suami / isteri perlu dicampurkan dan dimasukkan dalam ruang **B28 Borang B** atau **B18 Borang BE** pasangan yang dikenakan cukai.

#### Contoh:

Isteri yang mempunyai jumlah pendapatan (termasuk punca pendapatan perniagaan) RM60,000 memilih untuk ditaksir di atas nama suami. Beliau telah dikenakan Potongan Cukai Bulanan (PCB) sebanyak RM3,000 dalam tahun 2016. Bahagian B Borang B isteri perlu diisi sehingga ruang B16 sahaja. PCB sebanyak RM3,000 dipindahkan ke ruang B28 Borang B atau B18 Borang BE suami.

**B16 JUMLAH PENDAPATAN (SENDIRI) ( B14 + B15 )**

60,000	.00
--------	-----

**Borang B / BE suami adalah seperti berikut:**

- i) Jumlah pendapatan suami RM76,000
  - ii) Jumlah pendapatan yang dipindahkan dari isteri RM60,000 (termasuk punca pendapatan perniagaan)
  - iii) Cukai yang dikenakan ke atas suami ialah RM12,860.00
  - iv) Bayaran ansuran yang telah dijelaskan oleh suami ialah RM8,000.00
  - v) Bayaran ansuran yang telah dijelaskan oleh isteri ialah RM3,000.00
- } RM11,000.00

**Borang BE Suami**

<b>B6</b>	JUMLAH PENDAPATAN (SENDIRI) ( B4 - B5 ) (Isi "0" jika nilai negatif)	76,000	.00
<b>B7</b>	JUMLAH PENDAPATAN YANG DIPINDAHKAN DARI SUAMI / ISTERI* BAGI TAKSIRAN BERSAMA * Jenis pendapatan SUAMI / ISTERI yang dipindahkan <span style="border: 1px solid black; padding: 2px;">1</span> 1 = Ada pendapatan perniagaan 2 = Tiada pendapatan perniagaan	60,000	.00
<b>B8</b>	JUMLAH PENDAPATAN YANG DISATUKAN ( B6 + B7 )	136,000	.00
<b>B16</b>	CUKAI KENA DIBAYAR ( B14 - B15 )	12,860	.00
<b>TOLAK :</b>			
<b>B18</b>	Ansuran / Potongan Cukai Bulanan (PCB) yang telah dibayar untuk pendapatan tahun 2016 - SENDIRI dan SUAMI / ISTERI bagi taksiran bersama	11,000	.00
<b>B19</b>	Baki Cukai Kena Dibayar ( B16 - B18 ) / Cukai Terlebih Bayar ( B18 - B16 )	1,860	.00
▲ (Tandakan "X" jika Cukai Terlebih Bayar)			

**Atau Borang B Suami**

<b>B16</b>	JUMLAH PENDAPATAN (SENDIRI) ( B14 + B15 )	76,000	.00
<b>B17</b>	JUMLAH PENDAPATAN YANG DIPINDAHKAN DARI SUAMI / ISTERI* BAGI TAKSIRAN BERSAMA * Jenis pendapatan SUAMI / ISTERI yang dipindahkan <span style="border: 1px solid black; padding: 2px;">1</span> 1 = Ada pendapatan perniagaan 2 = Tiada pendapatan perniagaan	60,000	.00
<b>B18</b>	JUMLAH PENDAPATAN YANG DISATUKAN ( B16 + B17 )	136,000	.00
<b>B26</b>	CUKAI KENA DIBAYAR ( B24 - B25 )	12,860	.00
<b>TOLAK :</b>			
<b>B28</b>	Ansuran / Potongan Cukai Bulanan (PCB) yang telah dibayar untuk pendapatan tahun 2016 - SENDIRI dan SUAMI / ISTERI bagi taksiran bersama	11,000	.00
<b>B29</b>	Baki Cukai Kena Dibayar ( B26 - B28 ) / Cukai Terlebih Bayar ( B28 - B26 )	1,860	.00
▲ (Tandakan "X" jika Cukai Terlebih Bayar)			

Pihak isteri tidak perlu mengisi B7 hingga B19 dan Bahagian F Borang BE beliau.

Sila ambil perhatian yang pengiraan pendapatan hendaklah dibuat berasingan bagi suami dan isteri dengan menggunakan kemudahan Helaian-Helaian Kerja yang berkenaan. Rekod pengiraan berasingan bagi suami dan isteri perlu disimpan secara teratur untuk memudahkan kerja-kerja penyemakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

## (4) Peraturan Am mengisi Borang BE

- i. Maklumat Asas  
Isikan maklumat yang berkenaan sahaja.
- ii. Bahagian A : Maklumat Individu  
Isikan maklumat yang berkenaan sahaja.
- iii. Bahagian B : Pendapatan Berkanun, Jumlah Pendapatan, Cukai Kena Dibayar Dan Kedudukan Cukai  
Bahagian ini hendaklah dilengkapkan sepenuhnya.  
Bagi kes taksiran bersama di mana taksiran akan dikeluarkan atas nama pasangan, isi sehingga ruang B6 sahaja.  
Ruang **B7** hingga **B19** tidak perlu diisi.
- iv. Akuan  
Bahagian ini hendaklah dilengkapkan sepenuhnya dan ditandatangani. Jika tidak, Borang BE akan dikembalikan dan dianggap belum diterima oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
- v. Bahagian C : Maklumat Suami / Isteri  
Isikan maklumat jika berkenaan sahaja.
- vi. Bahagian D : Maklumat Lain  
Isikan maklumat yang berkenaan sahaja.
- vii. Bahagian E : Pendapatan Bukan Penggajian Bagi Tahun Kebelakangan Yang Belum Dilaporkan.  
Isikan maklumat jika berkenaan sahaja.
- viii. Bahagian F: Pelepasan  
Bahagian ini perlu dilengkapkan sepenuhnya. Sekiranya membuat pilihan taksiran bersama dan taksiran dikeluarkan atas nama pasangan, tinggalkan kosong bahagian ini.
- ix. Bahagian J : Maklumat Firma Dan Tandatangan Orang Yang Menyediakan Borang Nyata Ini  
Isikan maklumat jika berkenaan sahaja.



**Bahagian I - Borang B**

**MAKLUMAT ASAS**

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
1	Nama	Nama seperti di kad pengenalan atau pasport.	-	-
2	No. Cukai Pendapatan	Nombor rujukan fail cukai pendapatan. Isikan <b>SG</b> atau <b>OG</b> dan diikuti dengan nombor cukai pendapatan dalam petak yang disediakan. <i>Contoh I:</i> Bagi no. cukai pendapatan SG 10234567080 <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; width: fit-content; margin: 5px auto;">SG 10234567080</div> <i>Contoh II:</i> Bagi no. cukai pendapatan SG 10234567081 <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; width: fit-content; margin: 5px auto;">SG 10234567081</div> <i>Contoh III:</i> Bagi no. cukai pendapatan OG 00345678090 <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; width: fit-content; margin: 5px auto;">OG 00345678090</div>	-	-
3	No. Pengenalan	Isikan nombor kad pengenalan baru / lama / polis / tentera	-	-
4	No. Pasport Semasa	Nombor pasport semasa seperti di buku pasport.	-	-
5	No. Pasport Didaftar Dengan LHDNM	Isikan no. pasport terakhir yang telah didaftarkan dengan LHDNM iaitu sebelum pasport semasa.	-	-

**BAHAGIAN A: MAKLUMAT INDIVIDU**

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
A1	Warganegara	Isikan "MY" bagi warganegara Malaysia. Sekiranya bukan warganegara Malaysia, sila rujuk Lampiran E buku panduan ini untuk menentukan kod negara.	-	Lampiran E
A2	Jantina	Isikan "1" untuk lelaki atau "2" untuk perempuan.	-	-

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
A3	Tarikh Lahir	Isikan tarikh lahir mengikut turutan: hari, bulan dan tahun	-	-
A4	Status Pada 31-12-2016	Isikan '1' untuk bujang, '2' untuk kahwin, '3' untuk janda /duda, '4' untuk mati.	-	-
A5	Tarikh Kahwin / Cerai / Mati	Jika perkahwinan / perpisahan mengikut undang-undang atau kematian berlaku dalam tahun semasa, isikan tarikh mengikut turutan: hari, bulan dan tahun.	-	-
A6	Jenis Taksiran	<p>Isikan:</p> <p>(i) '1' jika isteri memilih taksiran bersama dan taksiran dikeluarkan atas nama suami. Isteri tidak perlu mengisi ruang B7 hingga B19 dan Bahagian F Borang BE; atau</p> <p>(ii) '2' jika suami memilih taksiran bersama dan taksiran dikeluarkan atas nama isteri. Suami tidak perlu mengisi ruang B7 hingga B19 dan Bahagian F Borang BE; atau</p> <p>(iii) '3' jika memilih taksiran berasingan; atau</p> <p>(iv) '4' jika suami / isteri tiada pendapatan atau tiada punca pendapatan atau pendapatan dikecualikan cukai; atau</p> <p>(v) '5' jika status individu adalah bujang / janda / duda / simati</p> <p><b>Nota:</b></p> <p>Syarat untuk memilih taksiran bersama:</p> <p>(i) suami dan isteri tinggal bersama dalam tahun asas dan tidak berhenti tinggal bersama dalam tahun asas tersebut;</p> <p>(ii) mempunyai jumlah pendapatan untuk diagregatkan dengan jumlah pendapatan suami / isteri;</p> <p>(iii) suami / isteri yang memilih taksiran bersama mesti warganegara Malaysia jika tidak bermastautin;</p> <p>(iv) pengagregatan jumlah pendapatan hanya boleh dibuat dengan seorang isteri sahaja.</p>	-	-

#### BAHAGIAN B: PENDAPATAN BERKANUN, JUMLAH PENDAPATAN, CUKAI KENA DIBAYAR DAN KEDUDUKAN CUKAI

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
B1	Pendapatan Berkanun Penggajian	Amaun N4 dari Helaian Kerja HK-2 .	HK-2	Lampiran B1-B5
B2	Pendapatan Berkanun Sewa	Penerimaan daripada sewaan rumah, rumah kedai, tanah, loji, mesin, perabot dan lain-lain. Amaun C3 dari Helaian Kerja HK-4.	HK-4	-

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran								
B3	Faedah	<p>Pendapatan faedah yang diterima oleh individu bermastautin daripada wang yang didepositkan dalam institusi berikut dikecualikan cukai:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Bank atau syarikat kewangan yang dilesenkan atau yang disifatkan dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013;</li> <li>(ii) Bank yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013;</li> <li>(iii) Institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002;</li> <li>(iv) Lembaga Tabung Haji yang ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995;</li> <li>(v) Malaysia Building Society Berhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965; dan</li> <li>(vi) Borneo Housing Finance Berhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965.</li> <li>(vii) Koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993</li> </ul> <p>Amaun E dari Helaian Kerja HK-5.</p>	HK-5	-								
	Diskaun	<p>Pendapatan daripada urus niaga pendiskaunan yang melibatkan bil perbendaharaan, bil pertukaran atau nota janji hutang.</p>	-	-								
	Royalti	<p>Penerimaan dari penggunaan hakcipta / paten yang melebihi had pengecualian seperti berikut adalah dikenakan cukai:</p> <table border="0"> <thead> <tr> <th><u>Jenis royalti</u></th> <th><u>Pengecualian (RM)</u></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>(i) Penerimaan dari penerbitan hasil seni / rakaman pita / cakera (Perenggan 32 Jadual 6)</td> <td>10,000</td> </tr> <tr> <td>(ii) Penerimaan hasil penterjemahan buku / karya kesusasteraan (Perenggan 32A Jadual 6)</td> <td>12,000</td> </tr> <tr> <td>(iii) Penerimaan hasil penerbitan karya kesusasteraan / lukisan asli / penggubahan muzik (Perenggan 32B Jadual 6)</td> <td>20,000</td> </tr> </tbody> </table> <p><i>Contoh:</i>                      Penerimaan bagi penerbitan hasil seni                      RM14,000                      Tolak : pengecualian    <u>RM10,000</u>                         <u>RM 4,000</u></p> <p>Masukkan RM4,000 ke ruang F Helaian Kerja HK-5 untuk pengiraan selanjutnya sekiranya mempunyai lain-lain punca pendapatan royalti.</p> <p>Pindahkan jumlah pendapatan berkanun royalti dari ruang H Helaian Kerja HK-5 ke ruang ini.</p>	<u>Jenis royalti</u>	<u>Pengecualian (RM)</u>	(i) Penerimaan dari penerbitan hasil seni / rakaman pita / cakera (Perenggan 32 Jadual 6)	10,000	(ii) Penerimaan hasil penterjemahan buku / karya kesusasteraan (Perenggan 32A Jadual 6)	12,000	(iii) Penerimaan hasil penerbitan karya kesusasteraan / lukisan asli / penggubahan muzik (Perenggan 32B Jadual 6)	20,000	HK-5	-
<u>Jenis royalti</u>	<u>Pengecualian (RM)</u>											
(i) Penerimaan dari penerbitan hasil seni / rakaman pita / cakera (Perenggan 32 Jadual 6)	10,000											
(ii) Penerimaan hasil penterjemahan buku / karya kesusasteraan (Perenggan 32A Jadual 6)	12,000											
(iii) Penerimaan hasil penerbitan karya kesusasteraan / lukisan asli / penggubahan muzik (Perenggan 32B Jadual 6)	20,000											
	Pencen	<p>Pencen yang diterima dari Malaysia dan dibayar oleh Kerajaan atau daripada skim pencen yang diluluskan kepada seseorang apabila bersara pada umur 55 tahun atau pada umur persaraan wajib di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau persaraan atas sebab keuzuran, adalah dikecualikan cukai.</p> <p>Di mana seseorang mendapat lebih daripada satu pencen, hanya pencen yang tertinggi dikecualikan. Pencen yang lain hendaklah dilaporkan.</p>	-	-								

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaiian Kerja	Lampiran
		Amaun pencen yang diambil kira adalah seperti penyata pencen tahunan. <i>Contoh:</i> Pencen (Perkhidmatan Awam – Skim yang diluluskan) RM35,000 Pencen Politik RM55,000 Jumlah RM90,000		
		Amaun yang dikenakan cukai RM35,000		
	Anuiti	Jumlah yang ditetapkan mengikut syarat-syarat wasiat atau pelaburan wang yang melayakkan waris atau pelabur menerima bayaran tahunan, sama ada untuk selama-lamanya atau untuk sesuatu tempoh.	-	-
	Bayaran berkala yang lain	Bayaran yang dibuat berulang kali pada masa-masa tertentu.	-	-
	Apa-apa perolehan atau keuntungan	Pendapatan lain seperti bayaran sekali sekala untuk penyiaran, syarahan, tulisan atau sebagainya yang terbit daripada usaha / pekerjaan sampingan atau sambilan.	HK-6	-
	Tambahan mengikut peruntukan perenggan 43(1)(c)	Perolehan-perolehan berikut dianggap pendapatan dan diambil kira di peringkat pendapatan agregat: ☆ Perolehan berkaitan dengan perbelanjaan operasi mencarigali di bawah Jadual 4 ACP 1967. ☆ Perolehan boleh diambil kira dalam pengiraan cukai jika tuntutan-tuntutan perbelanjaan telah dibuat. ☆ Rujuk kepada perenggan 43(1)(c) dan perenggan 16 Jadual 4 ACP 1967 untuk membuat pengiraan pendapatan yang perlu dimasukkan sebagai pendapatan agregat. ☆ Simpan pengiraan dengan teratur untuk semakan ☆ Masukkan amaun hasil pengiraan ke dalam ruang ini.	-	-
B4	Pendapatan Agregat	Campurkan B1 campur B2 campur B3	-	-
B5	Jumlah Derma Dan Hadiah Yang Diluluskan			
	Hadiah wang kepada Kerajaan / Kerajaan Tempatan	Hadiah wang tunai kepada Kerajaan, Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan. Subseksyen 44(6) ACP1967.	-	-
	Hadiah wang kepada institusi atau organisasi diluluskan	Hadiah wang tunai kepada institusi atau organisasi yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri. Proviso subseksyen 44(6) ACP1967.		
	Hadiah wang atau kos sumbangan manfaat kepada aktiviti sukan atau badan sukan yang diluluskan	Hadiah wang atau kos sumbangan manfaat kepada aktiviti sukan yang diluluskan oleh Menteri atau badan sukan yang diluluskan oleh Pesuruhjaya Sukan yang dilantik di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997. Subseksyen 44(11B) ACP1967.		
	Hadiah wang atau kos sumbangan manfaat kepada projek berkepentingan negara yang diluluskan oleh Menteri Kewangan	Hadiah wang atau kos sumbangan manfaat kepada projek berkepentingan negara yang diluluskan oleh Menteri. Subseksyen 44(11c) ACP1967.		
			Terhad kepada 7% daripada pendapatan agregat di ruang B4	

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
	Hadiah artifak, manuskrip atau lukisan	Hadiah artifak, manuskrip atau lukisan kepada Kerajaan berdasarkan pada nilai yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Muzium Malaysia atau Ketua Pengarah Arkib Negara. Subseksyen 44(6A) ACP 1967.	-	-
	Hadiah wang untuk kemudahan perpustakaan atau kepada perpustakaan	Sumbangan wang yang tidak melebihi RM20,000 bagi menyediakan kemudahan perpustakaan awam, perpustakaan sekolah / institusi pendidikan tinggi. Subseksyen 44(8) ACP1967.	-	-
	Hadiah wang atau sumbangan manfaat bagi menyediakan kemudahan di tempat awam untuk orang yang kurang upaya	Hadiah wang atau sumbangan manfaat berupa barangan yang diberikan oleh individu bagi menyediakan kemudahan di tempat awam untuk manfaat orang kurang upaya berdasarkan pada nilai yang ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan. Subseksyen 44(9) ACP1967.	-	-
	Hadiah wang atau kos peralatan perubatan kepada mana-mana badan rawatan kesihatan	Hadiah wang atau kos peralatan perubatan tidak melebihi RM20,000 yang diberikan kepada mana-mana kemudahan rawatan kesihatan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan. Subseksyen 44(10) ACP1967.	-	-
	Hadiah lukisan kepada Balai Seni Lukis Negara atau balai seni lukis negeri	Hadiah lukisan kepada Balai Seni Lukis Negara atau mana-mana balai seni lukis negeri berdasarkan pada nilai yang ditentukan oleh Balai Seni Lukis Negara atau balai seni lukis negeri. Subseksyen 44(11) ACP1967.	-	-
B6	JUMLAH PENDAPATAN (SENDIRI)	B4 tolak B5. Isi "0" jika nilai adalah negatif	-	-
B7	Jumlah Pendapatan Yang Dipindahkan Daripada SUAMI / ISTERI* bagi Taksiran Bersama	Ruang ini perlu diisi oleh individu di mana taksiran bersama dikeluarkan atas namanya.  <b>Ruangan ini dan ruang B8 tidak perlu diisi jika:</b> 1. status individu adalah bujang / janda / duda 2. suami / isteri tiada punca pendapatan atau mempunyai pendapatan dikecualikan cukai 3. individu memilih taksiran berasingan 4. individu memilih taksiran bersama dan taksiran dikeluarkan atas nama suami / isteri	-	-
	*Jenis pendapatan SUAMI / ISTERI yang dipindahkan	Isikan "1" jika pendapatan suami / isteri yang dipindahkan terdapat punca pendapatan perniagaan atau "2" jika tiada.	-	-
B8	Jumlah Pendapatan Yang Disatukan	B6 campur B7	-	-
B9	Jumlah Pelepasan	Amaun dari F20	-	-

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
B10	PENDAPATAN BERCUKAI	B6 tolak B9 atau B8 tolak B9. Isi "0" jika nilai adalah negatif	-	-
B11	PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN	Rujuk jadual dan contoh pengiraan yang disediakan.	-	-

#### JADUAL CUKAI

KATEGORI	BANJARAN PENDAPATAN BERCUKAI (RM) (a)	PENGIRAAN CUKAI (RM) (b)	KADAR (%) (c)	CUKAI (RM) (d)
A	0 - 5,000	5,000 pertama	0	0
B	5,001 - 20,000	5,000 pertama 15,000 berikutnya	1	0 150
C	20,001 - 35,000	20,000 pertama 15,000 berikutnya	5	150 750
D	35,001 - 50,000	35,000 pertama 15,000 berikutnya	10	900 1,500
E	50,001 - 70,000	50,000 pertama 20,000 berikutnya	16	2,400 3,200
F	70,001 - 100,000	70,000 pertama 30,000 berikut	21	5,600 6,300
G	100,001 - 250,000	100,000 pertama 150,000 berikutnya	24	11,900 36,000
H	250,001 - 400,000	250,000 pertama 150,000 berikutnya	24.5	47,900 36,750
I	400,001 - 600,000	400,000 pertama 200,000 berikutnya	25	84,650 50,000
J	600,001 - 1,000,000	600,000 pertama 400,000 berikutnya	26	134,650 104,000
K	Melebihi 1,000,000	1,000,000 pertama Setiap ringgit berikutnya	28	238,650 .....

B11a Cukai ke atas yang pertama

**Cara Pengiraan Cukai**

Sesuaikan amaun di B10 Borang BE (pendapatan bercukai) dengan banjaran pendapatan bercukai yang disediakan di dalam jadual cukai.

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaiian Kerja	Lampiran																												
B11b	Cukai ke atas baki	<p><b>Contoh I:</b> Pendapatan bercukai di <b>B10:</b> <b>RM5,500</b> Guna pengiraan di <b>kategori B</b> jadual cukai seperti berikut:</p> <p>Cukai ke atas <b>RM5,000</b> yang pertama <b>RM 0.00</b> Cukai ke atas baki <b>RM500 @ 1%</b> <b>RM 5.00</b> Jumlah cukai pendapatan <b>RM 5.00</b></p> <p>Masukkan dalam Borang BE di ruang B11a dan B11b seperti berikut:</p> <table border="1"> <tr> <td>Cukai ke atas yang pertama</td> <td>5,000</td> <td>.00</td> <td></td> <td></td> <td>0</td> <td>.00</td> </tr> <tr> <td>Cukai ke atas baki</td> <td>500</td> <td>.00</td> <td>Atas Kadar (%)</td> <td>1</td> <td>5</td> <td>.00</td> </tr> </table> <p><b>Contoh II:</b></p> <p>Pendapatan bercukai di <b>B10:</b> <b>RM60,000</b> Guna pengiraan di <b>kategori E</b> jadual cukai seperti berikut:</p> <p>Cukai ke atas <b>RM50,000</b> yang pertama <b>RM2,400.00</b> Cukai ke atas baki <b>RM10,000 @ 16%</b> <b>RM1,600.00</b> Jumlah cukai pendapatan <b>RM4,000.00</b></p> <p>Masukkan dalam Borang BE di ruang B11a dan B11b seperti berikut:</p> <table border="1"> <tr> <td>Cukai ke atas yang pertama</td> <td>50,000</td> <td>.00</td> <td></td> <td></td> <td>2,400</td> <td>.00</td> </tr> <tr> <td>Cukai ke atas baki</td> <td>10,000</td> <td>.00</td> <td>Atas Kadar (%)</td> <td>1 6</td> <td>1,600</td> <td>.00</td> </tr> </table>	Cukai ke atas yang pertama	5,000	.00			0	.00	Cukai ke atas baki	500	.00	Atas Kadar (%)	1	5	.00	Cukai ke atas yang pertama	50,000	.00			2,400	.00	Cukai ke atas baki	10,000	.00	Atas Kadar (%)	1 6	1,600	.00	-	-
Cukai ke atas yang pertama	5,000	.00			0	.00																										
Cukai ke atas baki	500	.00	Atas Kadar (%)	1	5	.00																										
Cukai ke atas yang pertama	50,000	.00			2,400	.00																										
Cukai ke atas baki	10,000	.00	Atas Kadar (%)	1 6	1,600	.00																										
B12	Jumlah cukai pendapatan	B11a campur B11b	-	-																												
B13	Jumlah Rebat																															
	Rebat cukai sendiri	Rebat cukai sendiri adalah sebanyak <b>RM400</b> bagi pendapatan pendapatan bercukai yang tidak melebihi RM35,000. Perenggan 6A(2)(a) ACP 1967.	-	-																												
	Rebat cukai suami / isteri	Rebat cukai suami / isteri adalah sebanyak <b>RM400</b> bagi pendapatan bercukai yang tidak melebihi RM35,000 dan telah dibenarkan pelepasan suami / isteri sebanyak RM4,000. Perenggan 6A(2)(b) / 6A(2)(c) ACP 1967.	-	-																												
	Zakat dan fitrah	Bayaran zakat dan fitrah yang dibuat dalam tahun asas. Subseksyen 6A(3) ACP 1967.	-	-																												

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
B14	Jumlah cukai yang dikenakan	B12 tolak B13 Isi "0" jika nilai negatif.	-	-
B15	Tolakan cukai seksyen 110 (lain-lain)	Sila buat pengiraan di Helaian Kerja HK-6 untuk tolakan cukai seksyen 110 ke atas lain-lain pendapatan seperti faedah, royalti, pendapatan seksyen 4A dan pendapatan daripada amanah.  Tolakan cukai Seksyen 110(lain-lain) tidak termasuk bayaran cukai pegangan yang tertakluk di bawah peruntukan Seksyen 107A ACP 1967.  Sertakan dokumen berkenaan bersama Helaian Kerja HK-6 sekiranya tuan / puan layak menuntut pembayaran balik. Rujuk Amaun B dari Helaian Kerja HK-6.	HK-6	-
	Pelepasan cukai seksyen 132	Pelepasan cukai berhubung dengan pendapatan yang dibawa masuk ke Malaysia di mana cukai telah dikenakan di negara asal yang telah memeterai perjanjian pengelakan percukaian dua kali (PPPDK) dengan Malaysia.  Rujuk Lampiran F Buku Panduan BE untuk senarai negara-negara yang telah memeterai PPPDK dengan Malaysia. Rujuk Jadual 7 ACP 1967 dan Helaian Kerja HK-8 Buku panduan Borang BE untuk membuat pengiraan kredit.	HK-8	Lampiran F
	Pelepasan cukai seksyen 133	Pelepasan cukai berhubung dengan pendapatan yang dibawa masuk ke Malaysia di mana cukai telah dikenakan di negara asal yang tidak memeterai perjanjian pengelakan percukaian dua kali (PPPDK) dengan Malaysia.  Rujuk Jadual 7 ACP dan Helaian Kerja HK-9 Buku Panduan Borang BE untuk membuat pengiraan kredit.	HK-9	-
B16	Cukai kena dibayar	B14 tolak B15	-	-
B17	Cukai dibayar balik	B15 tolak B14 Ruang ini terpakai apabila jumlah tolakan dan pelepasan di ruang B15 melebihi jumlah B14. Kemukakan Helaian Kerja HK-6 / HK-8 / HK-9 bersama Borang BE.	HK-6 HK-8 / HK-9	-
B18	Ansuran / Potongan Cukai Berjadual yang telah dibayar untuk pendapatan tahun 2016 - SENDIRI dan SUAMI / ISTERI bagi taksiran bersama	Potongan Cukai Bulanan yang dibuat oleh majikan dalam tahun 2016 untuk: - pendapatan tahun 2016; dan - pendapatan bagi tahun-tahun kebelakangan (termasuk bonus dan fi pengarah) yang dibayar dalam tahun 2016 hendaklah dimasukkan dalam ruangan ini.  Bayaran ini <b>tidak termasuk</b> amaun tunggakan di mana amaun tersebut akan diambil kira untuk cukai tahun taksiran kebelakangan.  Guna Helaian Kerja HK-10 untuk membuat pengiraan. Pindahkan amaun E dari Helaian Kerja HK-10 ke ruang ini.  Bagi Taksiran Bersama - jumlahkan bayaran ansuran / potongan Cukai Bulanan yang telah dijelaskan oleh suami dan isteri dan masukkan ke dalam ruang ini.	HK-10	-



Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
B19	Baki cukai kena dibayar	B16 tolak B18 Jelaskan baki ini dalam tempoh yang ditetapkan. Pembayaran boleh dibuat di:  (a) Bank - kaunter CIMB Bank Berhad (CIMB), Public Bank Berhad (PBB), Malayan Banking Berhad (Maybank), Affin Bank Berhad (ABB) dan RHB Bank Berhad (RHB), Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Bank Rakyat dengan menggunakan slip bayaran yang disediakan oleh bank. - perbankan internet CIMB, PBB, Maybank, Hong Leong Bank, RHB & Alliance Bank Malaysia Berhad, Tap-i Mobile Bank Islam dan perbankan telefon Maybank. - <i>Auto Teller Machine</i> (ATM) PBB, Maybank & CIMB, Mesin Deposit Cek PBB dan Mesin Deposit Tunai CIMB.  (b) LHDNM - <b>ByrHASiL</b> melalui FPX ( <i>Financial Process Exchange</i> ) di portal rasmi LHDNM, <a href="http://www.hasil.gov.my">http://www.hasil.gov.my</a> . - <b>ByrHASiL</b> melalui Kad Kredit Visa, Mastercard & American Express di portal rasmi LHDNM, <a href="https://byrhasil.hasil.gov.my/creditcard">https://byrhasil.hasil.gov.my/creditcard</a> . - kaunter bayaran LHDNM atau melalui pos dengan menggunakan Slip Pengiriman Bayaran (CP501) yang boleh diperolehi di Portal Rasmi LHDNM.  (c) Pos Malaysia Berhad - Kaunter dan Pos Online	-	-
	Cukai terlebih bayar	B18 tolak B16 <b>Nota:</b> Tandakan 'X' di kotak yang disediakan jika Cukai Terlebih Bayar.	-	-

**AKUAN**

Borang nyata yang tidak diperakui dan ditandatangani akan dianggap tidak lengkap dan tidak akan diproses. Surat pemberitahuan borang nyata tidak lengkap akan dikeluarkan kepada tuan sebagai makluman. Penggunaan cap tandatangan tidak dibenarkan. Penalti akan dikenakan jika berlaku kelewatan dalam mengemukakan semula borang nyata kepada LHDNM.

Borang nyata ini bagi pihak saya sendiri	Isikan '1' jika borang nyata ini dilengkapkan oleh pihak tuan sendiri	-	-
Borang nyata ini bagi pihak individu di atas	Isikan '2' jika borang nyata ini dilengkapkan oleh tuan sebagai wakil kepada pembayar cukai.	-	-
Sebagai pentadbir harta pusaka	Isikan '3' jika borang nyata ini dilengkapkan oleh tuan sebagai pentadbir harta pusaka. (Ruang ini berkaitan jika A4 = 4)	-	-

**BAHAGIAN C: MAKLUMAT SUAMI / ISTERI**

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
C1	Nama Suami / Isteri	Nama suami / isteri seperti di kad pengenalan atau pasport.	-	-
C2	No. Pengenalan	Nombor kad pengenalan baru / lama / polis / tentera suami atau isteri.	-	-
C3	Tarikh Lahir	Isikan tarikh lahir suami / isteri mengikut: hari, bulan dan tahun.	-	-
C4	No. Pasport	Nombor pasport suami / isteri seperti di buku pasport.	-	-

Nota: Sekiranya tuan mempunyai lebih daripada seorang isteri, sila berikan maklumat isteri-isteri tuan yang lain di lampiran tambahan mengikut format C1 hingga C4 dan kemukakan bersama Borang BE.

### BAHAGIAN D: MAKLUMAT LAIN

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
D1	No. Telefon	Isi nombor telefon pejabat / firma ejen cukai / rumah:-	-	-
	No. Telefon Bimbit	Isi nombor telefon bimbit dalam petak yang disediakan. Sila pastikan maklumat ini adalah betul dan tepat. Maklumat ini akan digunakan untuk tujuan rasmi LDHNM. Salah satu ruangan sama ada ruangan ini atau e-Mel (D2) adalah wajib diisi dalam e-Filing.	-	-
D2	e-Mel	Alamat e-mel (jika ada). Sila pastikan maklumat ini adalah betul dan tepat. Maklumat ini akan digunakan untuk tujuan rasmi LDHNM. Ruangan ini atau ruangan No. Telefon Bimbit (D1) adalah wajib diisi dalam e-Filing.	-	-
D3	Nama Bank *	Untuk tujuan pembayaran balik dikreditkan dari LHDNM (jika ada), nyatakan nama bank yang berkenaan.	-	-
D4	No. Akaun Bank *	Nombor akaun bank yang berkenaan. <b>*Nota: Isikan Nama Bank dan No. Akaun Bank bagi tujuan balik cukai pendapatan secara elektronik.</b>	-	-
D5	No. Majikan	Isikan nombor rujukan E majikan. Contoh: E 1023456708	-	-
D6	Melupuskan aset dibawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976	Merujuk kepada aset yang boleh dikenakan cukai di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Isikan '1' untuk 'Ya' sekiranya melupuskan aset <b>atau</b> '2' sekiranya tidak berkenaan	-	-
D7	Melaporkan pelupusan tersebut kepada LHDNM	Isikan ruang ini jika D6a = 1. Isi '1' dalam petak jika telah melaporkan pelupusan berkenaan kepada LHDNM <b>atau</b> '2' jika tidak. Sekiranya belum dilaporkan, sila hubungi unit CKHT di cawangan yang mengendalikan fail pendapatan pelupus. Untuk maklumat lanjut, sila layari Portal Rasmi LHDNM, <a href="http://www.hasil.gov.my">http://www.hasil.gov.my</a> .	-	-

### BAHAGIAN E: PENDAPATAN BUKAN PENGGAJIAN BAGI TAHUN KEBELAKANGAN YANG BELUM DILAPORKAN

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
E1- E2		Pendapatan SELAIN daripada penggajian yang diterima berkenaan tahun / tahun-tahun terdahulu yang belum dilaporkan.  <i>Contoh:</i> Pendapatan sewa atau faedah. Gunakan lampiran berasingan sekiranya ruangan yang disediakan tidak mencukupi.	-	-

### BAHAGIAN F: PELEPASAN

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
F1	Individu dan saudara tanggungan	Pelepasan diri berjumlah <b>RM9,000</b> untuk diri sendiri dan saudara tanggungan diberi secara automatik. Perenggan 46(1)(a) ACP1967.	-	-

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
F2	Perbelanjaan rawatan perubatan, keperluan khas dan penjaga untuk ibu bapa	<p>Perbelanjaan rawatan perubatan, keperluan khas dan penjaga ibu bapa dibenarkan sebagai potongan <b>terhad kepada RM5,000</b>. Perenggan 46(1)(c) ACP1967.</p> <p>Perbelanjaan perubatan yang layak termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) rawatan perubatan dan penjagaan yang diperuntukkan oleh rumah penjagaan; dan</li> <li>(ii) rawatan pergigian dihadkan kepada mencabut gigi, menampal gigi, membersihkan karang gigi tetapi tidak termasuk rawatan kosmetik.</li> </ul> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tuntutan mestilah disokong oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia yang mengesahkan bahawa keadaan kesihatan ibu bapa memerlukan rawatan perubatan atau keperluan khas atau penjaga.</li> <li>• Ibu bapa mestilah bermastautin di Malaysia.</li> <li>• Rawatan perubatan dan perkhidmatan penjaga disediakan dalam Malaysia.</li> </ul> <p>Dalam kes penjaga, mestilah dibuktikan dengan perakuan bertulis, resit atau salinan permit kerja penjaga.</p> <p>'Penjaga' adalah tidak termasuk individu, suami / isteri atau anak individu berkenaan.</p>	-	-
F2b	Ibu dan Bapa	<p>Pelepasan ini berkuat kuasa <b>mulai tahun taksiran 2016 hingga tahun taksiran 2020</b>.</p> <p><b>Syarat-syarat tuntutan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Individu yang LAYAK menuntut pelepasan ini adalah <b>anak kandung atau anak angkat yang sah di bawah undang-undang</b>. <b>Tuntutan pelepasan ini TIDAK dibenarkan ke atas ibu bapa tiri</b>.</li> <li>(ii) Individu TIDAK menuntut perbelanjaan rawatan perubatan, keperluan khas dan penjaga untuk ibu bapa di ruang F2a bagi tahun yang sama.</li> <li>(iii) Pelepasan yang dibenarkan adalah <b>RM1,500 bagi hanya seorang ibu dan RM1,500 bagi hanya seorang bapa</b>. Jika lebih daripada seorang individu menuntut pelepasan ini, amaun pelepasan tersebut perlu dibahagi sama rata mengikut bilangan individu yang menuntut berhubung ibu atau bapa yang sama.</li> <li>(iv) Ibu dan / atau bapa berumur 60 tahun dan ke atas pada bila-bila masa dalam tahun berkenaan, dan bermastautin di Malaysia.</li> <li>(v) Pendapatan tahunan ibu atau bapa TIDAK melebihi RM24,000 seorang bagi tahun taksiran berkenaan.</li> </ul> <p>Jika lebih daripada seorang individu menuntut pelepasan ini, rujuk Helaian Kerja HK-15 untuk cara pengiraan bahagian pelepasan yang boleh dituntut oleh setiap individu yang layak. HK-15 perlu dilengkapkan dan disimpan untuk rujukan / semakan oleh LHDNM, apabila diperlukan kelak.</p> <p>Perenggan 46(1)(o) ACP 1967.</p>	HK-15	-
F3	Peralatan sokongan asas	<p>Pembelian alat sokongan asas untuk kegunaan sendiri, suami / isteri, anak atau ibu bapa yang kurang upaya dibenarkan sebagai potongan <b>terhad kepada RM6,000</b>. Alat sokongan asas termasuk mesin haemodialisis, kerusi roda, kaki palsu dan alat pendengaran tetapi tidak termasuk cermin dan kanta mata.</p> <p>Perenggan 46(1)(d) ACP1967</p>	-	-
F4	Individu yang kurang upaya	<p>Pelepasan tambahan <b>sebanyak RM6,000</b> diberi kepada individu yang kurang upaya.</p> <p>Perenggan 46(1)(e) ACP1967</p>	-	-

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
F5	Yuran pendidikan (sendiri)	<p>Bayaran yuran tahunan <b>terhad kepada RM7,000</b> dibenarkan sebagai potongan untuk kursus pembelajaran di institusi atau badan profesional di Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia atau diluluskan oleh Menteri Kewangan bagi maksud meningkatkan kemahiran atau kelayakan:</p> <p>(i) sehingga ke peringkat tertiar (selain Sarjana dan Doktor Falsafah) – dalam bidang undang-undang, perakaunan, kewangan Islam, teknikal, vokasional, industri, saintifik atau teknologi; atau</p> <p>ii) peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah – sebarang bidang atau kursus pengajian.</p> <p>Perenggan 46(1)(f) ACP1967</p>	-	-
F6	Perbelanjaan perubatan bagi penyakit yang sukar diubati	<p>Perbelanjaan perubatan bagi penyakit yang sukar diubati termasuk rawatan dibuat ke atas penyakit seperti sindrom kurang daya tahan (AIDS), sindrom Parkinson, barah, penyakit buah pinggang, leukaemia dan lain-lain penyakit yang serupa yang lain.</p> <p>'Lain-lain penyakit yang serupa' termasuk serangan jantung, pulmonary hypertension, penyakit hati kronik, fulminant viral hepatitis, trauma kepala dengan defisit neurologikal, ketumbuhan otak dan kecacatan kepada pembuluh darah, melepuh dan melecur yang keterlaluan, pemindahan organ, pemotongan kaki dan / atau tangan.</p> <p>Perbelanjaan ini <b>dihadkan kepada RM6,000</b> untuk diri sendiri, suami / isteri atau anak tetapi jumlah pelepasan untuk <b>F6 dan F7 adalah terhad kepada RM6,000</b>.</p> <p>Perenggan 46(1)(g) ACP 1967.</p>	-	-
F7	Pemeriksaan perubatan penuh	<p>Pemeriksaan perubatan penuh bermaksud pemeriksaan secara menyeluruh. Pelepasan ini dibenarkan sebagai potongan <b>terhad kepada RM500</b> untuk diri sendiri, suami / isteri atau anak tetapi jumlah pelepasan untuk <b>F6 dan F7 adalah terhad kepada RM6,000</b>.</p> <p>Perenggan 46(1)(h) ACP1967</p>	-	-
F8	Pembelian buku / majalah / jurnal / penerbitan	<p>Perbelanjaan pembelian mana-mana buku, majalah, jurnal atau atau penerbitan (dalam bentuk <i>hardcopy</i> atau elektronik tetapi tidak termasuk surat khabar atau bahan bacaan yang terlarang) untuk kegunaan individu, suami / isteri atau anak dibenarkan sebagai potongan <b>terhad kepada RM1,000</b>.</p> <p>Perenggan 46(1)(i) ACP1967</p>	-	-
F9	Pembelian komputer peribadi untuk individu	<p>Pelepasan ini dibenarkan sebagai potongan yang <b>terhad kepada RM3,000</b> bagi perbelanjaan yang dilakukan bagi pembelian komputer peribadi yang merangkumi komputer meja dan komputer riba, Notebook dan Ultrabook yang digunakan bukan untuk tujuan perniagaan. Ini TIDAK meliputi pembelian peralatan yang berkeupayaan mengendalikan fungsi komputer seperti tablet dan telefon bimbit.</p> <p>Potongan ini diberi sekali dalam setiap 3 tahun.</p> <p>Perenggan 46(1)(j) ACP1967.</p>	-	-
F10	Tabungan bersih dalam skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN)	<p>Pelepasan ini berkuat kuasa <b>mulai tahun taksiran 2012 sehingga tahun taksiran 2017</b>.</p> <p>Simpanan ke dalam tabung SSPN oleh seseorang individu untuk membiayai pelajaran anak-anak dibenarkan sebagai potongan yang <b>terhad kepada RM6,000</b>.</p> <p>Potongan yang dituntut adalah terhad kepada amaun tabungan bersih yang dilakukan di dalam sesuatu tahun sahaja.</p> <p><b>Contoh:</b> Dalam tahun 2016,            Baki Bawa Hadapan: RM4,500            Simpanan: RM2,000            Pengeluaran: RM1,500</p>	-	-

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
		Potongan yang layak dituntut adalah <b>RM500</b> (RM2,000 - RM1,500). Baki Bawa Hadapan sebanyak RM4,500 tidak diambil kira. Perenggan 46(1)(k) ACP1967.		
F11	Pembelian peralatan sukan untuk aktiviti sukan mengikut Akta Pembangunan Sukan 1997	Potongan bagi pelepasan ini adalah <b>terhad kepada RM300</b> atas pembelian peralatan sukan yang dilakukan oleh individu untuk aktiviti sukan mengikut jenis sukan yang disenaraikan dalam Akta Pembangunan Sukan 1997. Peralatan sukan termasuk alat-alat yang mempunyai jangka hayat yang singkat seperti bola golf dan bulu tangkis tetapi TIDAK termasuk pakaian sukan, contohnya pakaian renang dan kasut sukan. Perenggan 46(1)(l) ACP1967	-	-
F12	Faedah pinjaman perumahan	<p>Pelepasan dibenarkan sebagai potongan <b>terhad kepada RM10,000</b> setiap tahun asas bagi 3 tahun taksiran berturut-turut bermula dari tarikh faedah mula dibayar.</p> <p><b>Syarat-syarat kelayakan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) pemastautin adalah warganegara Malaysia dan bermastautin di Malaysia;</li> <li>(ii) pembelian rumah kediaman terhad kepada satu unit sahaja;</li> <li>(iii) perjanjian jual beli ditandatangani dalam tempoh 10 Mac 2009 sehingga 31 Disember 2010; dan</li> <li>(iv) rumah kediaman tersebut tidak disewakan.</li> </ul> <p>Di mana:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) 2 atau lebih individu layak menuntut potongan bagi sebuah rumah kediaman yang sama; dan</li> <li>(b) jumlah faedah yang dibelanjakan oleh kesemua individu berkenaan melebihi amaun yang dibenarkan dalam tahun itu,</li> </ul> <p>Setiap individu dibenarkan suatu potongan bagi setiap tahun mengikut formula berikut:</p> $A \times \frac{B}{C}$ <p>Di mana;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>A = jumlah faedah dibenarkan dalam tahun berkenaan;</li> <li>B = jumlah faedah dibelanjakan oleh individu berkenaan dalam tahun berkenaan;</li> <li>C = jumlah faedah dibelanjakan oleh kesemua individu dalam tahun berkenaan.</li> </ul> <p>Seksyen 46B ACP1967</p>	-	-
F13	Suami / Isteri / Bayaran alimoni kepada bekas isteri	<p>Pelepasan suami diberi sebanyak <b>RM4,000</b> bagi suami yang tiada punca pendapatan / tiada jumlah pendapatan atau suami memilih taksiran bersama. Seksyen 45A ACP1967</p> <p>Pelepasan diberi sebanyak <b>RM4,000</b> bagi isteri yang tinggal bersama dalam tahun asas, isteri tiada punca pendapatan / jumlah pendapatan atau isteri memilih taksiran bersama. Perenggan 47(1)(a) ACP1967</p> <p>Bayaran nafkah kepada bekas isteri layak untuk pelepasan tetapi jumlah pelepasan untuk isteri dan bayaran alimoni kepada bekas isteri adalah <b>terhad kepada RM4,000</b>. Bayaran nafkah secara sukarela kepada bekas isteri di bawah perjanjian bersama tanpa tanpa sebarang perjanjian rasmi tidak layak dituntut sebagai potongan. Subseksyen 47(2) dan 47(3) ACP1967</p>	-	-
F14	Suami / Isteri yang kurang upaya	Pelepasan tambahan sebanyak <b>RM3,500</b> diberi bagi suami / isteri yang kurang upaya. Perenggan 47(1)(b) & seksyen 45A ACP1967	-	-

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran																
F15	Anak	<p><u>Kelayakan 100%</u> Ruang ini untuk diisi oleh individu yang layak menuntut pelepasan anak sepenuhnya.</p> <p><u>Kelayakan 50%</u> Ruang ini hanya berkenaan jika dua atau lebih individu (bukan suami isteri yang tinggal bersama) layak menuntut potongan berhubung bayaran yang dibuat ke atas anak yang sama, dan setiap individu tersebut layak menuntut 50% daripada pelepasan yang dibenarkan sebagai potongan. Contohnya apabila berlaku perceraian dan terdapat dua atau lebih individu yang layak menuntut potongan ke atas anak yang sama. Rujuk Helaian Kerja HK-13 untuk pengiraan. Subseksyen 48(4) ACP1967.</p>	HK-13	-																
F15a	Anak - Di bawah umur 18 tahun	<p>Pelepasan anak yang belum berkahwin dan berumur di bawah 18 tahun dalam tahun semasa adalah sebanyak <b>RM2,000</b>. Perenggan 48(1)(a) &amp; 48(2)(a) ACP1967</p> <p><i>Contoh:</i></p> <p>Encik Abu membuat tuntutan pelepasan anak seperti berikut: Anak pertama berumur 7 tahun dan belajar di Sekolah Rendah Taman Desa. Anak kedua berumur 5 tahun dan belajar di Tadika GCC.</p> <p>Kiraan tuntutan pelepasan anak adalah:</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th>Bilangan</th> <th></th> <th>Kelayakan 100%</th> <th>Bilangan</th> <th></th> <th>Kelayakan 50%</th> <th></th> <th></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">2</td> <td>x 2,000 =</td> <td style="text-align: center;">4,000</td> <td></td> <td>x 1,000 =</td> <td></td> <td style="text-align: center;">4,000</td> <td style="text-align: center;">.00</td> </tr> </tbody> </table>	Bilangan		Kelayakan 100%	Bilangan		Kelayakan 50%			2	x 2,000 =	4,000		x 1,000 =		4,000	.00	-	-
Bilangan		Kelayakan 100%	Bilangan		Kelayakan 50%															
2	x 2,000 =	4,000		x 1,000 =		4,000	.00													
F15b	Anak - 18 tahun dan ke atas yang masih belajar	<p><input type="checkbox"/> Pelepasan sebanyak <b>RM2,000</b> seorang dibenarkan jika anak belum berkahwin, berumur 18 tahun dan ke atas, serta menerima pendidikan sepenuh masa; Perenggan 48(1)(b) &amp; 48(2)(a) ACP1967</p> <p><input type="checkbox"/> Pelepasan sebanyak <b>RM8,000</b> dibenarkan jika anak belum berkahwin, berumur 18 tahun dan ke atas serta mematuhi syarat-syarat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) mengikuti kursus di peringkat diploma dan ke atas di institusi pengajian tinggi <b>dalam Malaysia</b> (tidak termasuk kursus matrikulasi / pra-ijazah); atau</li> <li>(ii) mengikuti kursus di peringkat ijazah dan ke atas di institusi pengajian tinggi <b>luar Malaysia</b>; dan</li> <li>(iii) kursus dan institusi pengajian tinggi diiktiraf oleh pihak berkuasa Kerajaan yang berkaitan.</li> </ul> <p>Subperenggan 48(3)(a)(i) ACP1967</p>	-	-																

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
-------	---------	------------	---------------	----------

*Contoh:*

Encik Ali membuat tuntutan pelepasan anak untuk tahun 2016 seperti berikut:

Anak pertama berumur 25 tahun (belum berkahwin) mengikuti kursus di peringkat **ijazah** di Boston University.

Anak kedua berumur 23 tahun (belum berkahwin) mengikuti kursus di peringkat **diploma** di UiTM.

Anak ketiga berumur 22 tahun (belum berkahwin) mengikuti kursus di peringkat **diploma** di University of New Haven.

Anak keempat berumur 20 tahun (belum berkahwin) dan mengikuti kursus **matrikulasi** di UKM.

Anak kelima berumur 18 tahun (belum berkahwin) belajar di Sekolah Menengah Wangsa Maju. Encik Ali menuntut 50% potongan ke atas bayaran yang dibuat ke atas anak ini dan 50% lagi dituntut oleh bekas isteri.

Kiraan tuntutan pelepasan anak adalah :

Anak pertama:	RM8,000
Anak kedua:	RM8,000
Anak ketiga:	RM2,000
Anak keempat:	RM2,000
Anak kelima	RM1,000

Bilangan		Kelayakan 100%	Bilangan		Kelayakan 50%	F15b	21,000	.00
2	x 2,000 =	4,000	1	x 1,000 =	1,000			
2	x 8,000 =	16,000		x 4,000 =				

F15c	Anak - Kurang upaya	<p>Pelepasan untuk anak yang kurang upaya dibenarkan sebanyak <b>RM6,000</b>. Perenggan 48(1)(d) &amp; 48(2)(b) ACP1967</p> <p>Pelepasan tambahan sebanyak <b>RM8,000</b> bagi anak kurang upaya yang belum berkahwin dan berumur 18 tahun dan ke atas serta mematuhi syarat-syarat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) mengikuti kursus di peringkat diploma ke atas di institusi pengajian tinggi <b>dalam Malaysia</b> (tidak termasuk kursus matrikulasi / pra-ijazah); atau</li> <li>(ii) mengikuti kursus di peringkat ijazah dan ke atas di institusi pengajian tinggi <b>luar Malaysia</b>; dan</li> <li>(iii) kursus dan institusi pengajian tinggi diiktiraf oleh pihak berkuasa Kerajaan yang berkaitan.</li> </ul> <p>Individu layak mendapat pelepasan anak <b>RM14,000</b> sekiranya syarat di atas dipatuhi. Subperenggan 48(3)(a)(ii) ACP1967.</p>	-	-
------	---------------------	--	---	---

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
-------	---------	------------	---------------	----------

*Contoh:*

Encik Ahmad membuat tuntutan pelepasan anak untuk tahun 2016 seperti berikut:

Anak pertama yang kurang upaya berumur 30 tahun (belum berkahwin) dan tidak bekerja.

Anak kedua yang kurang upaya berumur 22 tahun dan mengikuti kursus di peringkat ijazah di USM.

Kiraan tuntutan pelepasan anak adalah :

Anak pertama: RM 6,000

Anak kedua: RM14,000

Bilangan		Kelayakan 100%	Bilangan		Kelayakan 50%
1	x 6,000 =	<b>6,000</b>		x 4,000 =	
1	x 14,000 =	<b>14,000</b>		x 7,000 =	

F15c **20,000** . 00

F16	Insurans nyawa dan KWSP	<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Premium insurans yang dibayar atas polisi yang menjamin nyawa individu, suami atau isteri dibenarkan pelepasan cukai. Premium insurans atas nyawa anak tidak dibenarkan pelepasan.</li> <li><input type="checkbox"/> Caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau lain-lain kumpulan wang yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.</li> <li><input type="checkbox"/> Jumlah pelepasan bagi bayaran premium insurans nyawa dan caruman kepada KWSP atau lain-lain kumpulan wang yang diluluskan adalah <b>terhad kepada RM6,000</b> untuk individu dan <b>RM6,000</b> untuk isteri yang mempunyai punca pendapatan. Sekiranya suami atau isteri memilih <b>taksiran bersama</b>, jumlah pelepasan bagi bayaran premium insurans nyawa dan caruman kepada KWSP adalah terhad kepada <b>RM6,000</b>.</li> </ul> <p>Perenggan 49(1)(a) / 49(1)(b) / 49(1)(c) / Subseksyen 49(1A) ACP1967 Rujuk Helaian Kerja HK-14 untuk pengiraan.</p> <p><i>Contoh:</i> Premium insurans dibayar oleh: suami RM 300 isteri RM6,500. Pembayar cukai memilih taksiran bersama. Jumlah dibenarkan adalah terhad kepada <b>RM6,000</b> dan <b>bukannya RM6,800</b>.</p> <p>Di mana suami tidak mempunyai jumlah pendapatan, isteri akan ditaksir berasingan sebagai individu, dan apa-apa perbelanjaan premium insurans oleh suami adalah dianggap dibayar oleh isteri dan tuntutan potongan dibenarkan setakat jumlah terhad sahaja.</p> <p>Walau bagaimanapun, bagi caruman KWSP yang dibayar oleh suami dan suami tiada jumlah pendapatan, potongan bagi caruman KWSP tersebut tidak boleh dibenarkan sebagai tolakan daripada pendapatan isteri. Begitu juga sekiranya isteri tidak mempunyai jumlah pendapatan.</p> <p>Subseksyen 50(2) dan 50(3) ACP1967</p>	HK-14	-
-----	-------------------------	--	-------	---



Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
F17	Skim Persaraan Swasta dan Anuiti Tertangguh 'Deferred annuity'	<p>Pelepasan ini berkuat kuasa <b>mulai tahun taksiran 2012 hingga tahun taksiran 2021.</b></p> <p>Pelepasan tidak melebihi RM3,000 dibenarkan bagi jumlah caruman yang dibuat kepada Skim Persaraan Swasta (SPS) yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan bayaran premium untuk anuiti tertangguh.</p> <p>Jumlah pelepasan bagi caruman kepada SPS dan bayaran premium untuk anuiti tertangguh adalah <b>terhad kepada RM3,000</b> untuk individu dan <b>RM3,000</b> untuk isteri yang mempunyai punca pendapatan. Jika suami atau isteri memilih <b>taksiran bersama</b>, pelepasan yang dibenarkan bagi jumlah caruman kepada SPS dan bayaran premium anuiti tertangguh adalah <b>terhad kepada RM3,000.</b></p> <p>Rujuk Helaian Kerja HK-14 untuk pengiraan. Subseksyen 49(1D) ACP1967.</p>	HK-14	-
F18	Insurans pendidikan dan perubatan	<p>Pelepasan tidak melebihi RM3,000 bagi premium insurans yang dibayar atas polisi pendidikan atau manfaat perubatan untuk individu, suami, isteri atau anak.</p> <p>Pelepasan bagi jumlah bayaran premium insurans pendidikan dan premium insurans perubatan adalah <b>terhad kepada RM3,000</b> untuk individu dan <b>RM3,000</b> untuk isteri yang mempunyai punca pendapatan. Jika suami atau isteri memilih <b>taksiran bersama</b>, jumlah pelepasan bagi bayaran premium insurans pendidikan dan premium insurans perubatan adalah <b>terhad kepada RM3,000.</b></p> <p>Rujuk Helaian Kerja HK-14 untuk pengiraan. Subseksyen 49(1B) ACP 1967.</p>	HK-14	-
F19	Caruman kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)	<p>Pelepasan tidak melebihi RM250 dibenarkan bagi sumbangan kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang dibuat atau ditanggung oleh individu.</p> <p>Rujuk Helaian Kerja HK-14 untuk pengiraan Subseksyen 46(n) ACP 1967.</p>	HK-14	-
F20	Jumlah pelepasan	Campurkan F1 hingga F19 Pindahkan amaun ini ke B9	-	-

**BAHAGIAN G: MAKLUMAT FIRMA DAN TANDATANGAN ORANG YANG MENYEDIAKAN BORANG NYATA INI**

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
G1	Nama Firma	Nama firma ejen cukai yang mengisi Borang BE ini.	-	-
G2	No. Telefon	Nombor telefon firma ejen cukai.	-	-
G3	No. Kelulusan Ejen Cukai	Untuk diisi oleh ejen cukai yang mendapat kelulusan di bawah subseksyen 153(3) ACP1967.	-	-
G4	Tandatangan	Tandatangan orang yang menyediakan Borang BE ini.	-	-

## Bahagian 2 - Helaian Kerja

### HK-2: PENGIRAAN PENDAPATAN BERKANUN PENGGAJIAN

Helaian Kerja ini disediakan untuk membolehkan tuan / puan membuat pengiraan pendapatan berkanun penggajian. Gunakan satu Helaian Kerja HK-2 untuk satu punca penggajian.

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
A	Penerimaan di bawah perenggan 13(1)(a)			
1.	Penerimaan tunai	Semua terimaan tunai yang diperolehi daripada perkhidmatan penggajian termasuk: Gaji kasar Upah Gaji cuti Gaji lebih masa Fi Komisen Bonus Tip kasar Perkuisit Saguhati Elaun <b>Nota:</b> Mulai Tahun Taksiran 2016, apa-apa pendapatan kasar daripada penggajian bagi tahun-tahun kebelakangan (termasuk bonus, fi pengarah, tunggakan dan lain-lain) akan dikenakan cukai dalam tahun ia diterima. Subseksyen 25(1) ACP 1967 Penerimaan seperti saham yang ditawarkan oleh majikan sama ada secara percuma atau pada harga rendah dari nilai pasaran. Amaun R dari Helaian Kerja HK-2.1	HK-2.1	-
2.	Ganjaran	Keterangan seperti di Lampiran B1 Amaun D dari Helaian Kerja HK-2.2	HK-2.2	Lampiran B1
3.	Elaun cukai / cukai ditanggung oleh majikan	Keterangan seperti di Lampiran B2 Amaun C7 dari Helaian Kerja HK-2.3	HK-2.3	Lampiran B2
4.	Jumlah	Jumlah amaun A1 hingga A3	-	-
B	Manfaat berupa barangan	Keterangan seperti di Lampiran B3 Amaun K dari Helaian Kerja HK-2.4	HK-2.4	Lampiran B3
C	Manfaat / nilai tempat kediaman	Keterangan seperti di Lampiran B4 Amaun Z dari ruang J1 / 2.1 / 2.2 / 2.3 / 3.1 / 3.2 (yang mana berkenaan) Helaian Kerja HK-2.5	HK-2.5	Lampiran B4
D	Bayaran balik daripada Kumpulan Wang Simpanan / Pencen yang tidak diluluskan	Amaun yang diambil kira adalah seperti yang dilaporkan oleh majikan di dalam Borang EA / EC. Amaun yang dikenakan cukai adalah bahagian caruman majikan yang diterima oleh pekerja. <b>Contoh:</b> Amaun penerimaan dari Kumpulan Wang Pencen yang tidak diluluskan : Caruman majikan <b>RM24,000</b> Caruman pekerja <u>RM30,000</u> Jumlah <u>RM54,000</u> Amaun yang dikenakan cukai <b>RM24,000</b> Masukkan bahagian caruman majikan ke ruang ini. Amaun A dari Helaian Kerja HK-2.6	HK-2.6	-

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran				
E	Pampasan kerana kehilangan pekerjaan	Keterangan adalah seperti Lampiran B5. Amaun D dari Helaian Kerja HK-2.7	HK-2.7	Lampiran B5				
F	Jumlah pendapatan kasar penggajian	Jumlah A hingga E	-	-				
G	Yuran kepada badan profesional	Yuran kepada badan profesional berhubung keahlian untuk mengekalkan kedudukan profesion berkaitan dan menjalankan pekerjaan. Misalnya bayaran profesion perubatan atau guaman.	-	-				
H	Perbelanjaan keraian	<p>Keraian adalah :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>peruntukan makanan, minuman, rekreasi atau sebarang layanan; atau</li> <li>peruntukan tempat kediaman atau perbelanjaan yang berkaitan dengan / untuk tujuan memberi kemudahan keraian yang jenisnya seperti tersebut di atas.</li> </ol> <p><b>Seksyen 18 ACP1967</b></p> <p>Potongan yang dibenarkan adalah perbelanjaan bagi tujuan rasmi dan terhad kepada jumlah elaun keraian yang diambil kira sebagai pendapatan kasar.</p> <p><b>Seksyen 38A ACP1967</b></p> <p><i>Contoh:</i></p> <table> <tr> <td>Gaji</td> <td>RM30,000</td> </tr> <tr> <td>Elaun keraian</td> <td>RM 8,000</td> </tr> </table> <p>Jumlah yang dibelanjakan untuk keraian adalah RM10,000. Potongan yang dibenarkan terhad kepada <b>RM8,000</b> sahaja.</p>	Gaji	RM30,000	Elaun keraian	RM 8,000	-	-
Gaji	RM30,000							
Elaun keraian	RM 8,000							
J	Perbelanjaan perjalanan	<p>Perbelanjaan perjalanan yang kesemuanya dan semata-mata dilakukan dalam menghasilkan pendapatan penggajian.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Jumlah penuh elaun dimasukkan sebagai pendapatan kasar daripada penggajian walaupun kesemuanya dan sebahagian elaun boleh dibenarkan sebagai potongan.</li> <li>Sekiranya elaun perjalanan yang dibayar adalah bayaran ganti (iaitu perbelanjaan majikan yang dilakukan oleh pekerja yang dibayar bali kepadanya), elaun tersebut bukanlah pendapatan kasar pekerja itu.</li> <li>Perbelanjaan perjalanan daripada rumah ke pejabat adalah tidak dibenarkan.</li> </ol> <p><i>Contoh:</i></p> <table> <tr> <td>Gaji setahun</td> <td>RM30,000</td> </tr> <tr> <td>Elaun perjalanan setahun</td> <td>RM 6,000</td> </tr> </table> <p>Jumlah yang dibelanjakan untuk perjalanan semasa menjalankan tugas rasmi ialah RM5,000. Potongan yang dibenarkan adalah <b>RM5,000</b>.</p>	Gaji setahun	RM30,000	Elaun perjalanan setahun	RM 6,000	-	-
Gaji setahun	RM30,000							
Elaun perjalanan setahun	RM 6,000							
K	Perbelanjaan berhubung tempat kediaman yang disediakan oleh majikan	<p>Perbelanjaan yang boleh dituntut berhubung tempat kediaman yang disediakan oleh majikan adalah seperti:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Sewa (premis dan perabot).</li> <li>Cukai taksiran / pintu, cukai tanah dan insurans.</li> <li>Pembaikan premis yang wajib dilakukan oleh pekerja tersebut.</li> </ol> <p>(Amaun tuntutan adalah terhad kepada amaun manfaat nilai tempat kediaman tersebut dan nilai perabot yang disediakan) Perenggan 38(1)(a) dan Perenggan 38(1)(b) ACP1967.</p>	HK-2.5	Lampiran B4				

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
L	Jumlah	Jumlah G, H, J dan K5	-	-
M	Pendapatan berkanun penggajian	F tolak L	-	-
N	RUMUSAN PENDAPATAN BERKANUN PENGGAJIAN 1. Penggajian 1 2. Penggajian 2 3. Penggajian 3 4. Jumlah	Masukkan amaun M bagi Penggajian 1. Masukkan amaun M bagi Penggajian 2. Masukkan amaun M bagi Penggajian 3. Jumlah N1 hingga N3 Pindahkan amaun N4 ke ruang B1 Borang BE / B6 Borang B	-	-

#### HK-2.1: PENERIMAAN DI BAWAH PERENGGAN 13(1)(a)

Sebelum memulakan pengiraan di Helaian Kerja ini, sila rujuk kepada Tambahan Kedua Dan Ketiga Kepada Ketetapan Umum No. 1/2006 (Perkuisit Daripada Penggajian), Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) [P.U.(A) 191/2008] dan Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) [P.U.(A) 152/2009].

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
A	Gaji kasar	Gaji kasar seperti yang ditunjukkan dalam Borang EA / EC.	-	-
B	Upah	Bayaran yang diterima atas perkhidmatan yang dilakukan.	-	-
C	Gaji cuti	Gaji yang dibayar semasa bercuti dan tempoh itu berkaitan dengan menjalankan penggajian di Malaysia, gaji cuti dianggap pendapatan penggajian yang diperolehi dari Malaysia.	-	-
D	Gaji lebih masa	Bayaran yang diterima kerana kerja lebih masa.	-	-
E	Fi	Bayaran Fi yang diterima seperti ditunjuk di dalam Borang EA / EC.	-	-
F	Komisen	Bayaran komisen yang diterima seperti ditunjuk di dalam Borang EA / EC.	-	-
G	Bonus	Bayaran bonus yang diterima seperti ditunjuk di dalam Borang EA / EC.	-	-
H	Tip kasar	Bayaran tip daripada pelanggan.	-	-
J	Perkuisit	Manfaat dalam bentuk tunai atau barangan yang boleh ditukar kepada wang yang diterima oleh pekerja daripada majikan atau pihak ketiga berkaitan dengan mempunyai atau menjalankan penggajian. Mulai tahun taksiran 2008, pengecualian ke atas perkuisit berhubung dengan:- 1. pencapaian perkhidmatan lalu; 2. anugerah khidmat cemerlang, inovasi atau produktiviti; atau 3. perkhidmatan lama dengan syarat pekerja tersebut telah berkhidmat lebih daripada 10 tahun dengan majikan yang sama atau dengan syarikat-syarikat dalam kumpulan syarikat yang sama. Amaun yang dikecualikan adalah terhad kepada amaun atau nilai RM2,000.	-	-

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
K	Penerimaan saguhati	Bayaran saguhati daripada majikan.	-	-
L	Elaun-elaun	Elaun adalah meliputi pelbagai jenis elaun seperti elaun kenderaan dan elaun rumah.	-	-
M	Telefon talian tetap, telefon bimbit, alat kelui atau PDA	Pemberian telefon talian tetap, telefon bimbit, alat kelui atau PDA (termasuk kos pendaftaran dan pemasangan) yang didaftarkan atas nama pekerja adalah dikecualikan cukai. Pengecualian terhad kepada satu unit bagi setiap aset.	-	-
N	Bil bulanan yang dibayar oleh majikan bagi telefon talian tetap, telefon bimbit, alat kelui, PDA atau langganan jalur lebar	Bil bulanan yang dibayar oleh majikan bagi telefon talian tetap, telefon bimbit, alat kelui, PDA atau langganan jalur lebar termasuk kos pendaftaran dan kos pemasangan yang didaftar atas nama pekerja.	-	-
P	Keahlian kelab rekreasi	Fi kemasukan dan yuran keahlian bulanan / tahunan serta keahlian berpenggal dibayar atau 'reimbursed' oleh majikan. Jenis keahlian adalah individu.	-	-
Q	Penerimaan-penerimaan lain	Lain-lain bayaran yang diterima atas perkhidmatan yang diberikan.	-	-
R	Jumlah	Campurkan A hingga Q Pindahkan amaun R ke ruang A1 Helaian Kerja HK-2	HK-2	-

#### HK-2.2: PENGIRAAN GANJARAN KENA CUKAI

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
A-D	Ganjaran kena cukai	Keterangan adalah seperti Lampiran B1. Pindahkan amaun D ke ruang A2 Helaian Kerja HK-2	HK-2	Lampiran B1

**HK-2.3: PENGIRAAN ELAUN CUKAI / CUKAI DITANGGUNG OLEH MAJIMAN**

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
A-C	Elaun cukai / cukai ditanggung oleh majikan	Keterangan lanjut adalah seperti Lampiran B2. Pindahkan amaun C7 ke ruang A3 Helaian Kerja HK-2	HK-2	Lampiran B2

**HK-2.4: MANFAAT BERUPA BARANGAN (MBB) [PERENGGAN 13(1)(b)]**

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
A-J	Manfaat berupa barangan	Masukkan jumlah amaun mengikut jenis manfaat yang diterima. Keterangan lanjut adalah seperti Lampiran B3.	-	Lampiran B3
K	Jumlah	Pindahkan amaun ini ke ruang B Helaian Kerja HK-2	HK-2	-

**HK-2.5: MANFAAT / NILAI TEMPAT KEDIAMAN [PERENGGAN 13(1)(c)]**

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
A	Jawatan	Tandakan "X" mengikut jawatan sekarang.	-	-
B	Jenis kediaman	Tandakan "X" mengikut jenis kediaman yang disediakan.	-	-
C	Penghunan	Tandakan "X" di petak yang berkenaan.  <b>Jika berkongsi</b> – Nyatakan bahagian sendiri dan bahagian keseluruhan. <i>Contoh:</i> Bahagian yang disediakan = 1/4 Isikan: Bahagian (X) <input type="text" value="1"/> (Y) <input type="text" value="4"/>  <b>Jika kediaman digunakan untuk urusan syarikat</b> – Nyatakan bahagian sendiri dan bahagian syarikat. <i>Contoh:</i> Bahagian yang disediakan = 1/2 Isikan: Bahagian (X) <input type="text" value="1"/> (Y) <input type="text" value="2"/>	-	-
D	Tempoh penghunan yang diperuntukkan	Nyatakan tempoh penghunan (nyatakan bilangan bulan) yang diperuntukkan.	-	-
E	Tempoh penggajian dalam tahun semasa	Nyatakan tempoh penggajian (nyatakan bilangan bulan) dalam tahun semasa.	-	-

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
F	Nilai tertentu	Masukkan amaun nilai tahunan kediaman.	-	-
G	Penerimaan di bawah perenggan 13(1)(a)			
G1	Amaun daripada A4 Helaian Kerja HK-2	Pindahkan amaun dari ruang A4 Helaian Kerja HK-2	HK-2	-
G2	Pendapatan kasar daripada perkuisit berkaitan hak untuk memperoleh saham	Amaun pendapatan kasar berkaitan dengan hak untuk memperoleh saham dalam sesebuah syarikat di bawah subseksyen 32(1A) ACP1967 ditentukan seperti berikut:  <i>Jumlah saham x (nilai pasaran saham pada tarikh opsyen dilaksanakan ATAU nilai pasaran saham pada tarikh opsyen boleh dilaksanakan, yang mana lebih rendah TOLAK harga tawaran saham)</i>	-	-
G3	Jumlah	G1 tolak G2	-	-
H	1. 30% daripada G3 2. 3% daripada G3	Dapatkan jumlah <b>G3</b> x 30/100 dan masukkan ke ruang ini.  Dapatkan jumlah <b>G3</b> x 3/100 dan masukkan ke ruang ini.	-	-
J1-3.2	Nilai premis kediaman boleh dikenakan cukai	Pilih dan isikan pengiraan nilai tempat kediaman mengikut kategori yang berkenaan. Keterangan lanjut seperti di Lampiran B4. Pindahkan amaun Z ke ruang C Helaian Kerja HK-2	HK-2	Lampiran B4

#### HK-2.6: BAYARAN BALIK DARIPADA KUMPULAN WANG SIMPANAN / PENCEN YANG TIDAK DILULUSKAN

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
A	Caruman majikan	Masukkan bahagian amaun caruman majikan. Pindah amaun ini ke ruang D Helaian Kerja HK-2	HK-2	-
B	Caruman pekerja	Masukkan bahagian amaun caruman pekerja.	-	-
C	Jumlah	A campur B	-	-

#### HK-2.7: PENGIRAAN PAMPASAN YANG DIKENAKAN CUKAI

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
A-D	Pampasan	Keterangan lanjut adalah seperti Lampiran B5 Pindahkan amaun D ke ruang E Helaian Kerja HK-2	HK-2	Lampiran B5

**HK-4: BUTIR-BUTIR HARTA / ASET DAN JUMLAH SEWA**

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
A-D	Butir-butir harta/aset dan jumlah sewa	Helaian Kerja ini disediakan untuk pengiraan pendapatan sewa.	-	-

**HK-5: PENGIRAAN PENDAPATAN BERKANUN FAEDAH / ROYALTI**

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
A-H	Faedah / Royalti	Helaian Kerja ini disediakan untuk pengiraan pendapatan berkanun faedah / royalti.	-	-

**HK-6: TOLAKAN CUKAI DI BAWAH SEKSYEN 110 (LAIN-LAIN)**

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
A-G	Tolakan cukai di bawah seksyen 110 (lain-lain)	Helaian Kerja ini disediakan untuk pengiraan pendapatan kasar seperti faedah, royalti, pendapatan kelas khas di bawah seksyen 4A, pendapatan daripada badan amanah dan pendapatan lain yang dikenakan serta tolakan cukai di bawah seksyen 110. Tolakan cukai seksyen 110 (lain-lain) TIDAK termasuk bayaran cukai pegangan yang tertakluk di bawah seksyen 107A.	-	-

**HK-8: PENDAPATAN DARIPADA NEGARA PERJANJIAN PENGELAKAN PENCUKAIAN DUA KALI DAN TUNTUTAN PELEPASAN CUKAI DI BAWAH SEKSYEN 132**

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
A-H	Pelepasan cukai di bawah seksyen 132	Helaian Kerja ini disediakan untuk pengiraan pendapatan dari negara perjanjian pengelakan pencukaian dua kali dan tuntutan pelepasan di bawah seksyen 132.	-	-

**HK-9: PENDAPATAN DARIPADA NEGARA BUKAN PERJANJIAN PENGELAKAN PENCUKAIAN DUA KALI DAN TUNTUTAN PELEPASAN CUKAI DI BAWAH SEKSYEN 133**

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
A-H	Pelepasan cukai di bawah seksyen 133	Helaian Kerja ini disediakan untuk pengiraan pendapatan dari negara bukan perjanjian pengelakan pencukaian dua kali dan tuntutan pelepasan di bawah seksyen 133.	-	-



**HK-10: POTONGAN / ANSURAN CUKAI YANG TELAH DIJELASKAN**

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
A1	No. E Majikan	Nyatakan nombor E majikan yang membuat potongan.	-	-
A2	Tempoh Potongan	Nyatakan tempoh potongan dibuat dalam tahun semasa.	-	-
A3	Potongan PCB	<p>Potongan Cukai Bulanan (PCB) * yang dibuat oleh majikan dalam tahun semasa bagi pendapatan tahun semasa.</p> <p>* Ini termasuk potongan untuk pendapatan penggajian bagi tahun-tahun kebelakangan yang dibayar kepada pekerja dalam tahun semasa.</p> <p><b>Nota:</b></p> <p>i) <b>Bonus dan fi pengarah</b> Pendapatan bonus dan fi pengarah menjadi sebahagian daripada pendapatan kasar dalam tahun ia diterima. -Subseksyen 25(2A) ACP1967 (Tahun Taksiran 2009-2015).</p> <p>ii) <b>Pendapatan penggajian bagi tahun-tahun kebelakangan yang dibayar kepada pekerja dalam tahun semasa</b> Apa-apa pendapatan kasar daripada penggajian bagi tahun-tahun kebelakangan (termasuk bonus, fi pengarah, tunggakan dan lain-lain) akan dikenakan cukai dalam tahun ia diterima. -Subseksyen 25(1) ACP1967 membatalkan subseksyen 25(2A) mulai Tahun Taksiran 2016.</p>	-	-
A4	Potongan Zakat	Potongan zakat yang dibuat oleh majikan dalam tahun semasa.	-	-
B1	No. E Majikan	Nyatakan nombor E majikan yang membuat potongan.	-	-
B2	Tempoh Potongan	Nyatakan tempoh potongan yang dibuat dalam tahun semasa bagi cukai tertunggak.	-	-
B3	Potongan CP 38	Potongan yang dibuat oleh majikan dalam tahun semasa mengikut arahan potongan bagi cukai / baki cukai tahun taksiran kebelakangan	-	-
C	Bayaran Ansuran CP 500 atau CP 503X	Ansuran yang telah dibayar mengikut arahan CP 500 atau CP 503X bagi pendapatan tahun semasa.	-	-
D	Bayaran Selain Dari A, B Dan C Untuk Tahun Semasa	Bayaran-bayaran selain daripada di ruang A, B dan C, yang telah dibuat dalam tahun semasa bagi pendapatan tahun semasa.	-	-
E	Jumlah Besar	A3 campur C dan D Pindahkan amaun ini ke ruang B28 Borang B / B18 Borang BE.	-	-

**HK-13: PELEPASAN ANAK BAGI ANAK-ANAK DI BAWAH TANGGUNGAN YANG BELUM BERKAHWIN**

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
	Pelepasan anak di bawah tanggungan	Helaian kerja ini disediakan untuk pengiraan pelepasan anak di bawah seksyen 48.	-	-

**HK-14: PREMIUM INSURANS NYAWA, CARUMAN KEPADA KUMPULAN WANG SIMPANAN DAN PENCEN YANG DILULUSKAN, INSURANS PENDIDIKAN DAN PERUBATAN, SKIM PERSARAAN SWASTA, ANUITI TERTANGGUH SERTA CARUMAN KEPADA PERKESO**

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
A - D	Premium insurans nyawa, caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen yang diluluskan, Insurans Pendidikan dan Perubatan, Skim Persaraan Swasta, Anuiti Tertanggung serta Caruman kepada PERKESO	Helaian kerja ini disediakan untuk pengiraan pelepasan premium insurans nyawa, caruman kepada kumpulan wang simpanan dan pencen yang diluluskan, insurans pendidikan dan perubatan, skim persaraan swasta, anuiti tertanggung serta caruman kepada PERKESO.	-	-

**HK-15: MAKLUMAT TUNTUTAN PELEPASAN IBU DAN BAPA**

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
A - B	Tuntutan pelepasan ibu dan bapa	Helaian kerja ini hanya perlu dilengkapkan sekiranya lebih daripada seorang individu menuntut pelepasan ini ke atas ibu atau bapa yang sama.  Helaian kerja ini tidak perlu dikemukakan bersama-sama borang nyata tetapi hendaklah disimpan untuk rujukan / semakan oleh LHDNM.	-	-



K. Perbelanjaan berhubung tempat kediaman yang disediakan oleh majikan

1. Manfaat kediaman diambil kira:

(a) nilai manfaat dan kemudahan yang berkaitan dengan tempat kediaman [amaun B dari HK-2.4 – subseksyen 32(1)]

(b) nilai kediaman [amaun di C – subseksyen 32(2)]

(c) JUMLAH [ K1(a) + K1(b) ]

2. Sewa rumah dan perabot dibayar [perenggan 38(1)(a)]

3. Cukai tanah, taksiran, premium insurans & pembaikan premis [perenggan 38(1)(b)]

4. JUMLAH BAYARAN ( K2 + K3 )

5. Perbelanjaan boleh dituntut **K1(c) atau K4 yang mana lebih rendah** [subseksyen 38(3)]

L. JUMLAH ( G, H, J dan K5 )

M. Pendapatan Berkanun Penggajian ( F - L )

**N. RUMUSAN PENDAPATAN BERKANUN PENGGAJIAN**

1. Penggajian 1 (amaun M bagi Penggajian 1)

2. Penggajian 2 (amaun M bagi Penggajian 2)

3. Penggajian 3 (amaun M bagi Penggajian 3)

4. JUMLAH



**HK-2.2:**

**PENGIRAAN GANJARAN KENA CUKAI**

Nama

No. Cukai Pendapatan 



 No. K/Pgaan

**Tahun Taksiran**

A. Tempoh perkhidmatan dengan majikan yang sama \*

1. Tarikh mula

2. Tarikh tamat

3. Jumlah tahun genap \* 



 Tahun

B. Jumlah ganjaran **RM**

C. Jumlah ganjaran dikecualikan \* **RM**

D. **Ganjaran kena cukai ( B - C )** **RM**

*(Pindahkan amaun D ke ruang A2 Helaian Kerja HK-2)*

**\*Nota:**

**Tempoh penggajian dengan syarikat-syarikat lain dalam kumpulan yang sama TIDAK DIANGGAP sebagai tempoh penggajian dengan majikan yang sama.**

Contoh pengiraan tahun genap dan jumlah ganjaran yang dikecualikan:

**Contoh 1:**

Tarikh mula	01.06.2007
Tarikh tamat	15.01.2016
Tempoh perkhidmatan	8 tahun 7 bulan 15 hari
Jumlah tahun genap	08 tahun
Jumlah ganjaran yang dikecualikan	RM1,000 x 8 = RM8,000

**Contoh 2:**

Tarikh mula	01.01.2011
Tarikh tamat	15.07.2016
Tempoh perkhidmatan	5 tahun 7 bulan 15 hari
Jumlah tahun genap	05 tahun
Jumlah ganjaran yang dikecualikan	RM1,000 x 5 = RM5,000









**J. NILAI PREMIS KEDIAMAN BOLEH DIKENAKAN CUKAI**

1. Pekerja biasa (selain daripada pegawai Kerajaan/Badan Berkanun)/pengarah urusan diberi kediaman jenis **B2**.

Amaun  $H2 \times n/m$

nilai premis kediaman **Z**

*Pindahkan amaun Z ke ruang C Helaian Kerja HK-2*

*(Masukkan "0" jika amaun ini adalah negatif)*

- 2.1 Pekerja (selain daripada pegawai Kerajaan/Badan Berkanun) atau pengarah urusan diberi kediaman jenis **B1** dan status penghunian adalah **C1**

Amaun **H1** atau **F** (yang mana lebih rendah)  $\times n/m$

nilai premis kediaman **Z**

*Pindahkan amaun Z ke ruang C Helaian Kerja HK-2*

*(Masukkan "0" jika amaun ini adalah negatif)*

- 2.2 Pekerja (selain daripada pegawai Kerajaan/Badan Berkanun) atau pengarah urusan diberi kediaman jenis **B1** dan status penghunian adalah **C2**

Amaun **H1** atau **F**  $\times X/Y$  (yang mana lebih rendah)  $\times n/m$

nilai premis kediaman **Z**

*Pindahkan amaun Z ke ruang C Helaian Kerja HK-2*

*(Masukkan "0" jika amaun ini adalah negatif)*

- 2.3 Pekerja (selain daripada pegawai Kerajaan/Badan Berkanun) atau pengarah urusan diberi kediaman jenis **B1** dan status penghunian adalah **C3**

Amaun **H1** atau **F**  $\times X/Y$  (yang mana lebih rendah)  $\times n/m$

nilai premis kediaman **Z**

*Pindahkan amaun Z ke ruang C Helaian Kerja HK-2*

*(Masukkan "0" jika amaun ini adalah negatif)*

- 3.1 Pengarah (bukan pengarah urusan) syarikat terkawal diberi kediaman jenis **B1** dan status penghunian adalah **C1**

Amaun **F**  $\times n/m$

nilai premis kediaman **Z**

*Pindahkan amaun Z ke ruang C Helaian Kerja HK-2*

*(Masukkan "0" jika amaun ini adalah negatif)*

- 3.2 Pengarah (bukan pengarah urusan) syarikat terkawal diberi kediaman jenis **B1** dan status penghunian adalah **C2**

Amaun **F**  $\times X/Y \times n/m$

nilai premis kediaman **Z**

*Pindahkan amaun Z ke ruang C Helaian Kerja HK-2*

*(Masukkan "0" jika amaun ini adalah negatif)*







**B. PENGIRAAN PENDAPATAN BERKANUN SEWA**

(Gunakan satu pengiraan bagi satu punca sewa)

**B1. PENDAPATAN KASAR SEWA** (Daripada Punca A1 atau A2 atau A3 .... A10)

**TOLAK: Perbelanjaan yang dibenarkan:**

- i. Perbelanjaan faedah atas pinjaman yang dilakukan semata-mata untuk menghasilkan pendapatan sewa tersebut
- ii. Taksiran / Cukai Pintu
- iii. Cukai Tanah
- iv. Insurans

**Perbelanjaan hasil lain:**

- v. Penjagaan dan pembaikan
- vi. Memperbaharui perjanjian sewa
- vii. ....
- viii. ....
- ix. ....
- x. ....
- xi. ....
- xii. ....
- xiii. ....
- xiv. ....
- xv. ....

**B2. Jumlah Perbelanjaan** [ B1(i) hingga B1(xv) ]

**B3. PENDAPATAN BERKANUN SEWA** ( B1 - B2 )

---

**C. RUMUSAN PENDAPATAN BERKANUN SEWA**

**C1. Pendapatan berkanun sewa daripada:**

- (i) Punca A1 (amaun dari B3)
- (ii) Punca A2 (amaun dari B3)
- (iii) Punca A3 (amaun dari B3)
- (iv) Punca A4 (amaun dari B3)
- (v) .....

JUMLAH:

**C2. Jumlah pendapatan berkanun sewa daripada perkongsian**

**C3. JUMLAH PENDAPATAN BERKANUN DARIPADA SEWA** ( C1 + C2 )









**HK-9: PENDAPATAN DARIPADA NEGARA BUKAN PERJANJIAN PENGELAKAN PENCUKAIAN DUA KALI DAN TUNTUTAN PELEPASAN CUKAI DI BAWAH SEKSYEN 133**

Nama

No. Cukai Pendapatan  No. K/P

No. Pendaftaran Perniagaan

Tahun Taksiran

**A. Senarai Pendapatan**

\* Kod pendapatan: 1 = perniagaan 2 = dividen 3 = faedah 5 = royalti 6 = pendapatan seksyen 4A  
7 = pendapatan daripada amanah 8 = pendapatan lain yang berkenaan

Bil.	Kod *	Jumlah Kasar	Cukai Yang Dipotong Di Negara Asing
1			
2			
3			
4			
5			
6			
7			
8			
9			
10			
<b>Jumlah:</b>			

(X)

(Y)

Y/2 =

(Z)

Pelepasan yang dituntut adalah amaun **Z** atau amaun **U**, di mana amaun U boleh dikira dengan formula berikut:

$\frac{\text{Jumlah X}}{\text{Jumlah Pendapatan daripada semua punca}} \times \text{Cukai dikenakan sebelum tolakan kredit} = \mathbf{U}$	<input type="text"/>
---	----------------------

- B. Pelepasan yang dituntut (**U** atau **Z** yang mana lebih rendah)
- C. Jumlah pendapatan kasar dividen (kod pendapatan = 2)
- D. Jumlah pendapatan kasar faedah (kod pendapatan = 3)
- E. Jumlah pendapatan kasar royalti (kod pendapatan = 5)
- F. Jumlah pendapatan kasar seksyen 4A (kod pendapatan = 6)
- G. Jumlah pendapatan daripada amanah (kod pendapatan = 7)
- H. Jumlah pendapatan kasar pendapatan lain (kod pendapatan = 8)

**NOTA:**

- Gunakan kadar pertukaran matawang asing yang disediakan di Lampiran C jika tidak mempunyai kadar pertukaran matawang asing semasa pendapatan dibayar atau dikreditkan.
- Kemukakan Helaian Kerja ini bersama-sama dokumen berhubung dengan potongan cukai yang telah dibuat di negara asing jika layak menuntut bayaran balik.
- Ketetapan Umum No. 11/2011 boleh dirujuk sebagai panduan.



**HK-13: PELEPASAN ANAK BAGI ANAK-ANAK DI BAWAH TANGGUNGAN YANG BELUM BERKAHWIN**

Tahun Taksiran

Nama

No. Cukai Pendapatan


Bil.	Nama Anak	Tarikh Lahir	Nama Sekolah / Kolej / Universiti / Institusi Pendidikan Tinggi	Peringkat Pengajian Di		Kadar *		Amaun Tuntutan Pelepasan	
				Dalam Malaysia	Luar Malaysia	100%	50%		
<b>ANAK - DI BAWAH UMUR 18 TAHUN</b>									
1									
2									
3									
4									
5									
6									
7									
8									
9									
10									
<b>JUMLAH ( 1 hingga 10 )</b>									
<b>ANAK - 18 TAHUN DAN KE ATAS YANG MASIH BELAJAR</b>									
1									
2									
3									
4									
5									
<b>JUMLAH ( 1 hingga 5 )</b>									
<b>ANAK - KURANG UPAYA</b>									
1									
2									
3									
4									
5									
<b>JUMLAH ( 1 hingga 5 )</b>									

\* Tandakan 'X' di petak yang berkenaan. Gunakan lampiran tambahan sekiranya ruangan yang disediakan tidak mencukupi.

## NOTA:

### PELEPASAN ANAK

**Kelayakan 100%** - Bagi individu yang layak menuntut pelepasan anak sepenuhnya.

**Kelayakan 50%** - Di mana dua atau lebih individu (bukan suami isteri yang tinggal bersama) layak menuntut potongan berhubung bayaran yang dibuat ke atas anak yang sama, dan setiap individu tersebut layak menuntut separuh (50%) daripada pelepasan yang dibenarkan.

Contohnya apabila berlaku perceraian dan terdapat dua atau lebih individu berhak menuntut potongan bagi pelepasan ke atas anak yang sama.

Subseksyen 48(4) ACP 1967

#### ANAK - DI BAWAH UMUR 18 TAHUN

Pelepasan anak yang belum berkahwin dan berumur di bawah 18 tahun dalam tahun semasa adalah sebanyak **RM2,000** seorang.

Perenggan 48(1)(a) & 48(2)(a) ACP 1967

#### ANAK - 18 TAHUN DAN KE ATAS YANG MASIH BELAJAR

Pelepasan anak yang belum berkahwin, berumur 18 tahun dan ke atas dan menerima pendidikan sepenuh masa adalah sebanyak **RM2,000** seorang.

Perenggan 48(1)(b) & 48(2)(a) ACP 1967

Pelepasan sebanyak **RM8,000** bagi anak yang belum berkahwin, berumur 18 tahun dan ke atas, serta mematuhi syarat-syarat berikut:

- (i) Mengikuti kursus di peringkat diploma dan ke atas di institusi pengajian tinggi **dalam Malaysia** (tidak termasuk kursus matrikulasi / pra-ijazah); atau
- (ii) Mengikuti kursus di peringkat ijazah dan ke atas di institusi pengajian tinggi **luar Malaysia**; dan
- (iii) Kursus dan institusi pengajian tinggi diiktiraf oleh pihak berkuasa Kerajaan yang berkaitan.

Subperenggan 48(3)(a)(i) ACP 1967

#### ANAK - KURANG UPAYA

Pelepasan anak kurang upaya yang belum berkahwin dibenarkan sebanyak **RM6,000** seorang.

Perenggan 48(1)(d) & 48(2)(b) ACP 1967

Pelepasan tambahan sebanyak **RM8,000** bagi anak kurang upaya berumur 18 tahun dan ke atas yang belum berkahwin serta tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (i) Mengikuti kursus di peringkat diploma ke atas di institusi pengajian tinggi **dalam Malaysia** (tidak termasuk kursus matrikulasi/praijazah); atau
- (ii) Mengikuti kursus di peringkat ijazah dan ke atas di institusi pengajian tinggi **luar Malaysia**; dan
- (iii) Kursus dan institusi pengajian tinggi diiktiraf oleh pihak berkuasa Kerajaan yang berkaitan.

\* Individu layak mendapat pelepasan anak **RM14,000** sekiranya syarat di atas dipatuhi.

Subperenggan 48(3)(a)(ii) ACP 1967

**HK-14: PREMIUM INSURANS NYAWA, CARUMAN KEPADA KUMPULAN WANG SIMPANAN DAN PENCEN YANG DILULUSKAN, INSURANS PENDIDIKAN DAN PERUBATAN, SKIM PERSARAAN SWASTA, ANUITI TERTANGGUH SERTA CARUMAN KEPADA PERKESO**

Nama

No. Cukai Pendapatan

No. K/P

No. Pendaftaran Perniagaan

Tahun Taksiran

**A. INSURANS NYAWA / KUMPULAN WANG SIMPANAN DAN PENCEN YANG DILULUSKAN**

Bil.	Nama Syarikat Insurans / Kumpulan Wang Dan Pencen	No. Polisi / No. Kumpulan Wang	Atas Nyawa Sendiri Dan / Atau Suami / Isteri	Caruman / Premium Dibayar Dalam Tahun Semasa (RM)
1				
2				
3				
4				
5				
6				
7				
8				
9				
10				
<b>JUMLAH ( A1 hingga A10 )</b>				

**B. INSURANS PENDIDIKAN DAN PERUBATAN**

Bil.	Nama Syarikat Insurans	No. Polisi	Atas Nama Sendiri, Suami / Isteri Atau Anak	Premium Dibayar Dalam Tahun Semasa (RM)
1				
2				
3				
4				
5				
6				
7				
8				
9				
10				
<b>JUMLAH ( B1 hingga B10 )</b>				

<b>C1. SKIM PERSARAAN SWASTA</b>				
<b>Bil.</b>	<b>Nama Syarikat</b>	<b>No. Akaun</b>	<b>Atas Nama Sendiri, Suami Atau Isteri</b>	<b>Caruman dibayar Dalam Tahun Semasa (RM)</b>
a)				
b)				
c)				
d)				
e)				
f)				
g)				
h)				
i)				
j)				
<b>JUMLAH [ C1(a) hingga C1(j) ]</b>				
<b>C2. ANUITI TERTANGGUH</b>				
<b>Bil.</b>	<b>Nama Syarikat</b>	<b>No. Polisi</b>	<b>Atas Nyawa Sendiri Dan / Atau Suami / Isteri</b>	<b>Premium Dibayar Dalam Tahun Semasa (RM)</b>
a)				
b)				
c)				
d)				
e)				
f)				
g)				
h)				
i)				
j)				
<b>JUMLAH [ C2(a) hingga C2(j) ]</b>				
<b>JUMLAH C1 DAN C2</b>				

<b>D. CARUMAN KEPADA PERKESO</b>			
<b>Bil.</b>	<b>Nama Majikan</b>	<b>No. PERKESO</b>	<b>Caruman Dibayar Dalam Tahun Semasa (RM)</b>
1			
2			
3			
4			
5			
<b>JUMLAH ( D1 hingga D5 )</b>			

**NOTA:**

**A. INSURANS NYAWA / CARUMAN KEPADA KUMPULAN WANG SIMPANAN DAN PENCEN YANG DILULUSKAN**

- Premium insurans yang dibayar atas polisi yang menjamin nyawa individu, suami atau isteri dibenarkan pelepasan cukai. Premium insurans atas nyawa anak tidak dibenarkan pelepasan.
- Caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau lain-lain kumpulan wang yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.
- Mulai tahun taksiran 2005, jumlah pelepasan bagi bayaran premium insurans nyawa dan caruman kepada KWSP atau lain-lain kumpulan wang yang diluluskan adalah **terhad kepada RM6,000** untuk individu dan **RM6,000** untuk isteri yang mempunyai punca pendapatan. Sekiranya suami atau isteri memilih **taksiran bersama**, pelepasan bagi bayaran premium insurans nyawa dan caruman kepada KWSP adalah terhad kepada **RM6,000**.

Perenggan 49(1)(a), 49(1)(b), 49(1)(c), 49(1A)(b), subseksyen 49(3), 50(2) dan 50(3) ACP 1967.

**B. INSURANS PENDIDIKAN DAN PERUBATAN**

- Pelepasan tidak melebihi RM3,000 bagi premium insurans yang dibayar atas polisi pendidikan atau manfaat perubatan untuk individu, suami / isteri atau anak.
- Pelepasan bagi jumlah bayaran premium insurans pendidikan dan premium insurans perubatan adalah **terhad kepada RM3,000** untuk individu dan **RM3,000** untuk isteri yang mempunyai punca pendapatan. Jika suami atau isteri memilih **taksiran bersama**, jumlah pelepasan yang dibenarkan bagi bayaran premium insurans pendidikan dan premium insurans perubatan adalah **terhad kepada RM3,000**.

Subseksyen 49(1B), 49(4) dan 50(2) ACP 1967.

**C. SKIM PERSARAAN SWASTA DAN ANUITI TERTANGGUH**

- Pelepasan ini berkuat kuasa **mulai tahun taksiran 2012 hingga tahun taksiran 2021**.
- Pelepasan tidak melebihi RM3,000 dibenarkan bagi caruman yang dibuat kepada Skim Persaraan Swasta (SPS) yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan bayaran premium bagi anuiti tertangguh.
- Jumlah pelepasan bagi caruman kepada SPS dan bayaran premium bagi anuiti tertangguh adalah **terhad kepada RM3,000** untuk individu dan **RM3,000** untuk isteri yang mempunyai punca pendapatan. Jika suami atau isteri memilih **taksiran bersama**, pelepasan yang dibenarkan bagi jumlah caruman kepada SPS dan bayaran premium anuiti tertangguh adalah **terhad kepada RM3,000**.

Subseksyen 49(1D), 49(1E), 49(3), 50(2) dan 50(3) ACP 1967,  
Ketetapan Umum No. 4/2014 (Anuiti Tertangguh) dan  
Ketetapan Umum No. 9/2014 (Skim Persaraan Swasta).

**D. CARUMAN KEPADA PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)**

Pelepasan tidak melebihi RM250 dibenarkan bagi sumbangan kepada PERKESO yang dibuat atau ditanggung oleh individu mengikut Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

Perenggan 46(1)(n) ACP 1967.



HK-15:

## MAKLUMAT TUNTUTAN PELEPASAN IBU DAN BAPA

[ Perenggan 46(1)(o) Akta Cukai Pendapatan 1967 ]

## BAHAGIAN A : MAKLUMAT IBU BAPA

Nama Penuh Ibu Bapa (seperti di dokumen pengenalan)		No. Pengenalan / Pasport	No. Cukai Pendapatan (jika ada)
1.	Ibu :		
2.	Bapa :		

## BAHAGIAN B: MAKLUMAT INDIVIDU YANG MENUNTUT PELEPASAN IBU DAN / ATAU BAPA

Bil.	Nama Penuh Kesemua Individu Yang Menuntut (seperti di dokumen pengenalan)	No. Pengenalan / Pasport	Hubungan Dengan Ibu Atau Bapa		Amaun Pelepasan Boleh Dituntut * Ke Atas:		Jumlah Amaun Dituntut Oleh Setiap Individu [ a + b ] (RM)
			Ibu	Bapa	Ibu (a)	Bapa (b)	
			Nyatakan sama ada: 1 = Anak Kandung 2 = Anak Angkat (Isi Kod)		[ Amaun Kelayakan (RM1,500) ÷ Bilangan Individu Yang Menuntut ]		
1.							
2.							
3.							
4.							
5.							
6.							
7.							
8.							
9.							
10.							
<b>JUMLAH:</b>							
					Jumlah (a) terhadap kepada RM1,500 bagi hanya seorang ibu	Jumlah (b) terhadap kepada RM1,500 bagi hanya seorang bapa	Jumlah (a) + Jumlah (b) terhadap kepada RM3,000 bagi kedua-dua ibu dan bapa

**NOTA:****PELEPASAN IBU DAN BAPA**

[ Perenggan 46(1)(o) Akta Cukai Pendapatan 1967 – Berkuat kuasa mulai Tahun Taksiran 2016 sehingga Tahun Taksiran 2020 ]

1. Sekiranya lebih daripada seorang individu menuntut pelepasan tersebut, helaian kerja ini perlu dilengkapkan dan disimpan untuk rujukan / semakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, apabila diperlukan kelak.

2. Syarat-syarat tuntutan berikut perlu dipatuhi:-

- Individu yang LAYAK menuntut pelepasan ini merujuk kepada **anak kandung atau anak angkat yang sah di bawah undang-undang. Tuntutan pelepasan ini TIDAK dibenarkan ke atas ibu bapa tiri.**
- Ibu dan / atau bapa berumur 60 tahun dan ke atas pada bila-bila masa dalam tahun asas, dan bermastautin di Malaysia.
- Pendapatan tahunan ibu atau bapa TIDAK melebihi RM24,000 seorang bagi tahun taksiran berkenaan.
- Individu TIDAK menuntut perbelanjaan rawatan perubatan, keperluan khas dan penjaga untuk ibu bapa di bawah perenggan 46(1)(c) ACP 1967 bagi tahun asas yang sama.

3. Pengiraan 'Amaun Pelepasan Boleh Dituntut \* ' ke atas ibu atau bapa yang sama

Amaun pelepasan (RM1,500) yang dibenarkan di bawah peruntukan ini dibahagi sama rata mengikut bilangan individu yang menuntut pelepasan ini berhubung ibu atau bapa yang sama.

- Bilangan individu yang menuntut **pelepasan ibu** (termasuk diri sendiri)
- Bilangan individu yang menuntut **pelepasan bapa** (termasuk diri sendiri)

**CONTOH:**

a) Tiga (3) orang anak menuntut pelepasan ibu:

$$\begin{aligned} \text{Amaun Kelayakan (RM1,500)} &\div \text{Bilangan Individu Yang Menuntut (3)} \\ &= \text{RM500 (amaun pelepasan boleh dituntut oleh setiap individu berkenaan)} \end{aligned}$$

b) Empat (4) orang anak menuntut pelepasan bapa:

$$\begin{aligned} \text{Amaun Kelayakan (RM1,500)} &\div \text{Bilangan Individu Yang Menuntut (4)} \\ &= \text{RM375 (amaun pelepasan boleh dituntut oleh setiap individu berkenaan)} \end{aligned}$$

Jumlah keseluruhan pelepasan ibu dan bapa yang dituntut adalah RM [ (500 + 375) x 3 ] + 375 = RM3,000

**BAHAGIAN B: MAKLUMAT INDIVIDU YANG MENUNTUT PELEPASAN IBU DAN / ATAU BAPA**

Bil.	Nama Penuh Kesemua Individu Yang Menuntut (seperti di dokumen pengenalan)	No. Pengenalan / Pasport	Hubungan Dengan Ibu Atau Bapa		Amaun Pelepasan Boleh Dituntut * Ke Atas:		Jumlah Amaun Dituntut Oleh Setiap Individu [ a + b ] (RM)
			Ibu	Bapa	Ibu (a)	Bapa (b)	
			Nyatakan sama ada: 1 = Anak Kandung 2 = Anak Angkat (Isi Kod)		[ Amaun Kelayakan (RM1,500) ÷ Bilangan Individu Yang Menuntut ]		
					(RM)		
1.	AZEMI BIN RAHMAT	600124-10-5133	1	1	500	375	875
2.	AZIMA BINTI RAHMAT	610315-10-5012	1	1	500	375	875
3.	AZUMA BINTI RAHMAT	630623-10-5206	1	1	500	375	875
4.	AZIMAN BIN RAHMAT	651008-10-5347	-	1	0	375	375
<b>JUMLAH:</b>					<b>1,500</b>	<b>1,500</b>	<b>3,000</b>

## LAMPIRAN B1:

## GANJARAN

**A. Ganjaran**

Ganjaran merupakan sejumlah wang yang diterima semasa persaraan / tamat kontrak dan dianggap sebagai hadiah untuk perkhidmatan yang lalu. Semua ganjaran dikenakan cukai **kecuali** ganjaran yang disenaraikan di **C**.

Rujuk **Ketetapan Umum No. 9/2016** (dikeluarkan pada 23 November 2016).

**B. Ganjaran Yang Dikecualikan Sebahagian**

Mulai tahun taksiran 2016, seseorang pekerja yang menerima wang sebagai ganjaran:

- i) apabila bersara daripada suatu penggajian; atau
- ii) atas pemberhentian suatu kontrak penggajian

selain daripada ganjaran yang layak pengecualian di **C**, adalah layak mendapat pengecualian sebanyak **RM1,000 bagi setiap tahun genap perkhidmatan**. Baki ganjaran selepas mengambil kira pengecualian sebahagian tersebut akan **dikenakan cukai dalam tahun ia diterima**. Bagi tujuan pengiraan pengecualian sebahagian, tempoh penggajian dengan syarikat-syarikat lain dalam kumpulan yang sama **TIDAK DIANGGAP** sebagai tempoh penggajian dengan majikan yang sama.

Contoh:

Seorang pekerja bersara apabila mencapai umur 55 tahun iaitu umur wajib bersara mengikut kontrak penggajiannya dan telah menerima sejumlah wang sebagai ganjaran semasa persaraannya.

B1. Tempoh Perkhidmatan:-	
(i) Tarikh mula	01.04.2007
(ii) Tarikh tamat	30.06.2016
(iii) Jumlah tahun genap	9 tahun
B2. Jumlah ganjaran	RM108,000
B3. Amaun dikecualikan	RM1,000 x 9 = RM9,000
B4. Ganjaran kena cukai *	RM( 108,000 - 9,000 ) = RM99,000 (Tahun Taksiran 2016)

\* *Pindahkan amaun B4 ke ruang A2, Helaian Kerja HK-2*

**C. Ganjaran Yang Dikecualikan Dari Cukai Pendapatan**

1. Ganjaran persaraan	<p>(a) Ketua Pengarah berpuas hati bahawa persaraan daripada penggajian itu disebabkan oleh keuzuran</p> <p>Atau</p> <p>(b) Persaraan itu berlaku pada atau selepas seseorang itu mencapai umur 55 tahun atau mencapai umur wajib bersara dari penggajiannya dan telah berkhidmat berturut-turut selama 10 tahun dengan majikan yang sama atau dengan syarikat di dalam kumpulan yang sama</p> <p>Atau</p> <p>(c) Persaraan itu berlaku apabila mencapai umur wajib bersara di bawah satu kontrak penggajian atau perjanjian kolektif pada umur 50 tahun tetapi sebelum 55 tahun dan telah berkhidmat selama 10 tahun dengan majikan yang sama atau dengan syarikat dalam kumpulan yang sama.</p>
2. Ganjaran yang dibayar daripada kumpulan wang awam	Ganjaran yang dibayar kepada pekerja daripada kumpulan wang awam apabila bersara daripada penggajian di bawah mana-mana undang-undang bertulis
3. Ganjaran yang dibayar kepada pegawai kontrak	Ganjaran yang dibayar daripada kumpulan wang awam kepada pegawai kontrak apabila tamat kontrak penggajiannya tidak kira sama ada kontraknya diperbaharui ataupun tidak.
4. Ganjaran kematian	Wang yang diterima sebagai ganjaran kematian.

## LAMPIRAN B2: ELAUN CUKAI / CUKAI DITANGGUNG OLEH MAJIKAN

### Elaun Cukai / Cukai ditanggung oleh Majikan

Cukai pendapatan yang ditanggung oleh majikan adalah ELAUN CUKAI yang dikenakan cukai mengikut peruntukan perenggan 13(1)(a) ACP 1967. Cara mengambil kira elaun ini berbeza bagi penggajian yang berterusan dengan penggajian yang ditamatkan dalam sesuatu tahun taksiran.

Rujuk **Ketetapan Umum No. 11/2016** (dikeluarkan pada 8 Disember 2016).

### Penggajian Yang Berterusan

Cukai yang ditanggung oleh majikan atas pendapatan bagi sesuatu tahun taksiran diambil kira sebagai elaun cukai dalam tahun taksiran berikutnya. Cukai yang dibayar oleh majikan bagi penggajian tahun 2015 (tahun taksiran 2015) akan diambil kira sebagai elaun cukai bagi tahun 2016 (tahun taksiran 2016) kerana jumlah cukai yang kena dibayar bagi tahun taksiran 2016 ditentukan dalam tahun 2016.

### Contoh I

Gaji bagi tempoh 01.01.2015 - 31.12.2015 - RM150,000

Pembayar cukai bujang dan layak menuntut pelepasan diri sahaja

Pengiraan cukai bagi tahun taksiran 2015 untuk menentukan elaun cukai bagi tahun taksiran 2016.

	<b>RM</b>	
Pendapatan tahun 2015	150,000	
Tolak: Pelepasan Diri	9,000	
Pendapatan Kena Cukai	141,000	
Cukai atas RM100,000 yang pertama	11,900.00	
Cukai atas RM41,000 @ 24%	9,840.00	
Cukai dikenakan	21,740.00	<b>(A)</b>

Cukai bagi tahun taksiran 2015 dibangkitkan pada 31.05.2016 dan dibayar oleh majikan. Cukai sebanyak RM21,740.00 adalah elaun cukai yang diambil kira sebagai pendapatan bagi tahun 2016.

### ***Pindahkan amaun A ke ruang A3 Helaian Kerja HK-2.***

Cukai tambahan yang dibangkitkan bagi sesuatu tahun taksiran diambil kira dalam tahun taksiran di mana notis taksiran tambahan dikeluarkan. Sebagai contoh, bagi pendapatan tambahan untuk tahun taksiran 2014 di mana notis taksiran tambahan dikeluarkan dalam tahun 2016, cukai bagi taksiran tambahan ini adalah elaun cukai bagi tahun taksiran 2016.

### Contoh II

Pendapatan tahun 2015 termasuk elaun cukai [tahun taksiran (asal) 2014] - RM150,000

Pendapatan bagi tahun taksiran 2014 adalah:

Pendapatan asal tahun 2014 - RM120,000

Pendapatan tambahan (tunggakan gaji) 2014 (diterima dalam tahun 2015) - RM 30,000

Pengiraan cukai bagi tahun taksiran 2014 untuk menentukan elaun cukai bagi tahun 2016 kerana notis taksiran tambahan 2014 dikeluarkan dalam tahun 2016 (pada 30.06.2016)

	<b>RM</b>	
Pendapatan asal tahun 2014	120,000	
Tunggakan gaji (tambahan) tahun 2014	<u>30,000</u>	
Jumlah	150,000	
Tolak: Pelepasan Diri	<u>9,000</u>	
	<u>141,000</u>	
Cukai atas RM100,000 pertama	13,850.00	
Cukai atas RM41,000 @ 26%	<u>10,660.00</u>	
Jumlah	24,510.00	
Cukai ditaksir dahulu	<u>17,185.00</u>	
Cukai tambahan	<u>7,325.00</u>	<b>(B)</b>

Elaun cukai bagi tahun taksiran 2016 ialah:

Cukai tahun 2015	21,740.00	<b>(A)</b>
Cukai tambahan 2014 (taksiran tambahan)	<u>7,325.00</u>	<b>(B)</b>
Jumlah	<u>29,065.00</u>	<b>(C)</b>

***Pindahkan amaun C ke ruang A3 Helaian Kerja HK-2.***

### **Penggajian Yang Ditamatkan**

Bagi penggajian yang ditamatkan dalam atau di akhir sesuatu tahun taksiran, cukai untuk dua tahun taksiran diambil kira dalam tahun taksiran tersebut. Sebagai contoh, seorang pekerja asing yang tamat tempoh pengajiannya pada 30.06.2016, elaun cukai bagi tahun taksiran 2016 ialah jumlah cukai bagi tahun taksiran 2015 dan tahun taksiran 2016.

### **Contoh III**

Pendapatan tahun 2015 adalah seperti **contoh I**.

Pendapatan tahun 2016 adalah RM70,000.

Pengiraan cukai tahun taksiran 2016:

	<b>RM</b>	
Pendapatan tahun 2016	70,000	
Elaun cukai (tahun taksiran 2015)	<u>21,740</u>	
Jumlah	91,740	
Tolak: Pelepasan Diri	<u>9,000</u>	
	<u>82,740</u>	
Cukai atas RM70,000 yang pertama	5,600.00	
Cukai atas RM12,740 @ 21%	<u>2,675.40</u>	
Cukai dikenakan	<u>8,275.40</u>	<b>(D)</b>

Elaun cukai bagi tahun taksiran 2016:

Amaun <b>A</b> (daripada contoh I):	21,740.00
Amaun <b>D</b> (daripada contoh III):	<u>8,275.40</u>
Jumlah	<u>30,015.40</u>

***Pindahkan jumlah ini ke ruang A3 Helaian Kerja HK-2.***

## LAMPIRAN B3: MANFAAT BERUPA BARANGAN (MBB) [PERENGGAN 13(1)(b)]

### MANFAAT BERUPA BARANGAN (MBB)

- (i) MBB adalah manfaat yang tidak boleh ditukar kepada wang. Hanya disediakan bagi pekerja oleh majikannya/bagi pihak majikannya untuk dinikmati secara peribadi oleh pekerja tersebut, isteri, keluarga, orang gaji, tanggungan-tanggungan atau tetamu-tetamu pekerja.
- (ii) Majikan dikehendaki melaporkan dalam Penyata Tahunan Saraan Pekerja dan Borang E untuk Majikan, kesemua nilai MBB yang diperuntukkan kepada pekerja.
- (iii) Nilai MBB yang ditentukan berdasarkan **Ketetapan Umum No. 3/2013** akan diambil kira sebagai pendapatan kasar daripada punca pengajian seseorang pekerja.

### PENENTUAN NILAI MBB

- (i) Terdapat dua kaedah yang boleh digunakan bagi menentukan nilai MBB:-
  - (a) kaedah nilai yang ditetapkan; dan
  - (b) kaedah formula.
- (ii) Mana-mana kaedah yang digunakan dalam penentuan nilai manfaat yang disediakan, asas untuk mengira manfaat mestilah digunakan secara konsisten sepanjang tempoh peruntukan manfaat tersebut.
- (iii) Dalam semua keadaan, di mana kemudahan kereta dan/atau petrol diperuntukkan kepada pekerja, majikan mestilah melaporkan dalam Penyata Tahunan Saraan Pekerja; jenis, tahun buatan, model kereta dan tarikh sebenar kereta yang diperuntukkan.
- (iv) Tol yang dibayar oleh majikan dianggap telah dimasukkan dalam nilai MBB bagi kereta. Kos penyelenggaraan seperti servis, pembaikan, cukai jalan tahunan dan premium insurans tahunan tidak dianggap sebagai sebahagian daripada manfaat pekerja.

### A. KAEDAH NILAI DITETAPKAN

1. Nilai MBB berdasarkan kaedah nilai ditetapkan boleh dikurangkan jika MBB itu:-

- (i) disediakan bagi tempoh kurang daripada setahun; atau/dan
- (ii) dikongsi dengan pekerja lain.

Tiada pengurangan diberi bagi kegunaan perniagaan untuk MBB yang disediakan untuk pekerja.

### 2. NILAI YANG DITETAPKAN UNTUK KERETA

